



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 1805]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1979 [Ruangan 1836]

USUL-USUL:

Akta Kastam, 1967—

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 21), 1978 [Ruangan 1834]

Akta Eksais, 1976—

Perintah Duti Eksais (Pindaan), 1978 [Ruangan 1835]

Anggaran Pembangunan, 1979 [Ruangan 1836]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., D.S.I.J., J.M.N., P.I.S.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

.. Menteri Pengangkutan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).

.. Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).

.. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

.. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

.. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).

.. Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

.. Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).

.. Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

.. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).

.. Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

.. Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).

.. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).

.. Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

.. Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

.. Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).

- Yang Berhormat** Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- .. Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- .. Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).
- .. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- .. Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S (Saratok).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- .. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SERI SYED AHMAD AL-HAJ BIN SYED MAHMUD SHAHABUDDIN, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- .. Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungei Siput).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).

- Yang Berhormat** Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J. A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKOR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).

- Yang Berhormat TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- .. TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- .. TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- .. PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).
- .. TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- .. TUAN V. DAVID (Damansara).
- .. TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- .. TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- .. DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- .. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- .. DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- .. TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- .. TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- .. TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSIAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- .. DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- .. TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- .. TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).
- .. TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- .. TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- .. TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- .. TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).
- .. TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- .. TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- .. TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- .. TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- .. TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- .. TUAN LEE KAW (Keluang).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- .. TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- .. TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- .. TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- .. TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- .. TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- .. TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K.,
P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N.
(Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- „ TUAN Oo GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ DR TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI,
P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 7hb November, 1978

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

ANALISA PILIHANRAYA UMUM

1. **Tuan Lee Kaw** (*di bawah S.O. 24 (2)*)
minta Perdana Menteri menyatakan:

(a) samada beliau sedar bahawa analisa dari Pilihanraya Umum 1978 menunjukkan bahawa:

(i) lebih kurang 80% China Malaysia tidak puashati dengan dasar-dasar Kerajaan dan perlaksanaannya terutama sistem pelajaran dan kekurangan peluang untuk pelajaran tinggi; dan

(ii) Dasar Ekonomi Baru (NEP) telah gagal untuk menghasilkan perpaduan rakyat yang diinginkan bahkan NEP telah menghasilkan perselisihan yang teruk di antara kaum-kaum yang berlebihan;

(b) jika sedar, apa tindakan yang beliau akan jalankan untuk menghapuskan keadaan yang membahayakan dan boleh menyebabkan kehancuran negara.

Perdana Menteri (Dato Hussein Onn): Tuan Yang di-Pertua, dalam Pilihanraya Umum pengundi-pengundi dari apa keturunan pun adalah bebas memilih calon-calon baik dari parti yang memerintah ataupun parti Pembangkang. Memandangkan kepada bilangan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, nyatalah parti mana yang telah mendapat sokongan yang besar daripada pengundi-pengundi.

Mengenai soalan Ahli Yang Berhormat itu, analisa dan kesimpulan yang disebutkan itu bukanlah analisa dan kesimpulan yang dibuat oleh Kerajaan. Ahli Yang Berhormat adalah bebas membuat apa-apa analisa dan kesimpulannya tetapi ini tidak bermakna apa-apa pendapatnya itu benar atau boleh diterima. Membuat dasar dan melaksanakan adalah hak-hak Kerajaan yang dipilih oleh rakyat. Bagi tiap-tiap dasar yang dibuat oleh Kerajaan tentu ada golongan yang tidak bersetuju atau tidak berpuashati dengannya. Ini adalah perkara biasa.

Saya percaya dengan jawapan saya itu bermakna saya tidak mengambil apa-apa tindakan tetapi saya hendak juga memberi nasihat kalau diterima oleh Ahli-ahli Parti Pembangkang di hadapan saya itu iaitu saya menasihatkan Ahli-ahli daripada parti itu supaya jangan mengapi-api lagi rakyat di negara ini atas soalan-soalan yang dibangkitkan itu.

Tuan Chan Teck Chan: Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyedari bahawa satu kecenderongan polarisasi adalah kian meningkat sepertimana yang disuarakan oleh beberapa orang Menteri dari pihak Kerajaan dan tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga berkata bahawa satu analisa belum lagi diadakan. Tetapi memandangkan masalah ini adalah masalah yang serius dari segi perpaduan rakyat negara kita, maka adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bercadang untuk mengadakan satu jawatankuasa untuk menjalankan satu kajian dan analisa yang mendalam dan menyeluruh tentang masalah yang dibangkitkan oleh pihak pemerintah khususnya dari kalangan Menteri-menteri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Apa perkara yang dibangkitkan itu?

Tuan Chan Teck Chan: Mengenai polarisasi kaum.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, membuat analisa selepas pilihanraya bukan Kerajaan yang membuat, itu parti masing-masing yang membuat analisisnya memandangkan apa sokongan dan berapa banyak sokongan parti itu mendapat daripada pengundi-pengundi. Sepertimana saya terangkan tadi satu-satu parti itu mendapat kesimpulan dan membuat analisisnya sendiri, dan ini bukanlah perkara Kerajaan hendak menganalisa pandangan-pandangan rakyat dalam pilihanraya. Kerajaan tidak berbuat demikian.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adakah Yang Amat Berhormat sedar bahawa analisa pilihanraya tahun 1978 yang lepas yang menyebabkan 16 kawasan pilihanraya telah dimenangi oleh DAP itu adalah disebabkan oleh issue-issue perkauman Cina yang merbahaya telah ditimbulkan oleh DAP yang tidak habis-habis mempersoalkan tentang Dasar Pelajaran Kebangsaan dan juga Dasar Ekonomi Baru yang telahpun dipersetujui. Sekiranya sedar, apakah tindakan Kerajaan terhadap pemimpin-pemimpin yang tidak bertanggungjawab; yang masih lagi menimbulkan soal-soal perkauman ini dan sentiasa memupukkan api perkauman bagi kepentingan politik mereka yang akibatnya mungkin membawa teretusnya kepada peristiwa 13 Mei yang kedua atau mungkin akan menghancurkan negara ini. Jika semua ini berlaku saya rasa pemimpin DAP tidak akan bertanggungjawab terhadap perkara yang berlaku tetapi sebaliknya pihak DAP akan menuduh pihak Kerajaan yang bukan-bukan pula.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi berkenaan analisa ini siapakah yang membuatnya? Samada saya sedar atau tidak, saya tak tahu siapa yang membuat analisa ini. Seperti saya terangkan, analisa itu dibuat oleh parti masing-masing selepas sesuatu pilihanraya.

Menjawab soalan yang kedua daripada Ahli Yang Berhormat saya ada mendengar semasa dalam pilihanraya parti DAP memang

memainkan issue-issue perkauman. Itu saya dengar.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Kalaupun pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi adalah dipersetujui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa kemenangan DAP adalah berasaskan kerana issue-issue perkauman, saya memandangkan perkara ini sangat serius dan satu tuduhan yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti! Soalan tambahannya apa? Ini masa soal-jawab. Berapa kali saya hendak ingatkan.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan saya ialah kerana masalah-masalah sudah dibangkitkan, khasnya mengenai polarisasi kaum yang sangat mengancam matlamat pembangunan negara kita iaitu perpaduan rakyat.

Maka saya fikir adalah wajar bagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempertimbangkan semula cadangan saya tadi untuk menubuhkan satu Jawatankuasa untuk menjalankan satu analisa dan kajian supaya faktor-faktor yang dituduh perkauman ini boleh dibuktikan samada benar atau tidak sepertimana yang dituduh oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Pasir Puteh kerana saya menganggap perkara ini sangat serius, tuduhannya pun sangat serius.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, setidak-tidak pun saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu iaitu kali ini beliau tidak mengesyorkan Kerajaan menubuhkan Suruhanjaya bagi menyasiat pula perkara ini, cuma beliau mengesyorkan Jawatankuasa. Sebagaimana saya katakan berkenaan dengan analisa keputusan pilihanraya itu masing-masing parti membuat analisisnya masing-masing, ini bukan kena mengena dengan Kerajaan.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini bukan sahaja parti Pembangkang yang hendak bertanya tetapi ada juga pada 14hb Julai, 1978, Tun Tan Siew Sin, Penasihat Kewangan Persekutuan ada juga mengatakan, izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua:

"MCA failure is not concerning or the defect of the Economic Policy itself."

Tuan Yang di-Pertua: Apa ini? Ini baca quotationkah atau apa?

Tuan V. David: Quotation.

Tuan Yang di-Pertua: Mana quotationnya?

Tuan V. David: Quotation tetapi saya hendak tahu.....

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh!

Tuan V. David: 14 haribulan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tak mahu terima quotation yang dikarang sendiri, tetapi hendaklah dibaca dari asalnya.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, beliau sahaja berkata bahawa beliau tidak ada bersetuju method of implementation itu, macamana parti Pembangkang. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri fikirkan atau melantik satu badan di mana boleh siasat dan boleh selesaikan perkara yang semua rakyat di negara kita boleh duduk dalam selamat ataupun aman.

Tuan Yang di-Pertua: Baguslah, aman dan selamat.

Perdana Menteri: Saya tidak bertanggungjawab terhadap percakapan-percakapan yang dikeluarkan oleh sesiapaupun, walaupun dia Tun, walaupun dia Penasihat Kerajaan atas masalah-masalah politik, dan saya mengesyorkan kalau Ahli Yang Berhormat itu mendengar Tun Tan Siew Sin bercakap demikian, pergilah Ahli Yang Berhormat bertanya kepada beliau dan minta mengambil tindakan yang sewajarnya.

MAHKAMAH SYARIAH

2. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan setakat manakah tindakan atau langkah Kerajaan terhadap perkara-perkara yang diputuskan oleh Persidangan Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam:

- (a) pasukan Petugas (Task Force) untuk mengkaji masalah Mahkamah Syariah;
- (b) kajian mengenai orang Islam Murtaad; dan
- (c) kajian mengenai gerakan Kristian di Malaysia.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Mengenai bahagian (a) soalan Ahli Yang Berhormat itu, saya suka memaklumkan di sini bahawa setakat ini Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam, Malaysia sedang menyiapkan laporan akhir mengenai kajiannya terhadap masalah-masalah Mahkamah Syariah.
- (b) Mengenai pecahan (b) soalan Ahli Yang Berhormat itu, perkara ini juga masih lagi di dalam kajian Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam, Malaysia.
- (c) Berkenaan dengan pecahan (c) soalan Ahli Yang Berhormat itu pula, sukalah saya menyatakan bahawa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam, Malaysia telahpun menubuhkan satu Jawatankuasa yang mana laporannya sekarang adalah di dalam peringkat akhir.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Ahli Yang Berhormat itu hendak tahu setakat manakah tindakan, perlu saya nyatakan di sini dengan lebih lanjut lagi.

Suka saya menyatakan berkenaan dengan pasukan petugas (task force) untuk mengkaji masalah Mahkamah Syariah. Jawatankuasa mengkaji masalah Mahkamah Syariah dilantik pada 4hb September, 1972. Pengerusi Jawatankuasa ini ialah Yang Berhormat Tan Sri Datuk Syed Nasir Ismail dan 6 orang Ahli. Tugas Jawatankuasa ini adalah untuk mengkaji masalah-masalah administration dan perjalanan Mahkamah Syariah termasuk mengkaji taraf kadi-kadi dalam negara kita.

Jawatankuasa ini telahpun berusaha dan membuat kajian serta lawatan-lawatan ke negeri-negeri bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang benar. Antara perkara-perkara yang dapat dikemukakan pada petang ini ialah:

- (a) tanggagaji kadi-kadi, kadi-kadi Besar dan pegawai-pegawai yang lain tiap-tiap negeri seluruh negara Malaysia.
- (b) jumlah Mahkamah Kadi dan jumlah kes-kes yang dibicarakan meliputi kes-kes jenayah, mal dan nafka.

- (c) kakitangan (staffing) dan nama jawatan di tiap-tiap mahkamah.
- (d) jumlah kes-kes mas kahwin, cerai, rojok, pembahagian harta sepencarian, kes-kes mal yang dibicarakan.
- (e) tugas-tugas dan cara-cara menadbirkan perjalanan Mahkamah Syariah termasuk juga latar belakang dan undang-undang mahkamah.
- (f) masalah-masalah yang dihadapi oleh Mahkamah Syariah. Ini semuanya perkara-perkara yang telah dibincangkan di negeri-negeri yang telah dilawati.

Jawatankuasa ini akan membentangkan laporan lengkap kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia apabila kajian ini telah disiapkan. Kedudukan kajian sekarang adalah peringkat akhir. Laporan tersebut akan mengandungi:

- (1) pandangan tiap-tiap seorang Ahli Jawatankuasa tersebut terhadap kedudukan Mahkamah Syariah.
- (2) perakuan-perakuan dari Jawatankuasa kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia untuk membaiki pentadbiran perjalanan Mahkamah Syariah.

Kajian mengenai orang-orang Islam yang murtad, ini masalah penting. Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia di dalam mesyuaratnya yang ketiga belas pada 13hb Disember, 1974 telah bersetuju melantik sebuah Jawatankuasa yang terdiri daripada Yang Berhormat Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof, Menteri Undang-undang dan Peguam Negara pada masa itu dan 6 orang Ahli yang lain. Kemudian mesyuarat Majlis yang kelima belas pada 23hb Oktober, 1975 telah disampaikan laporan Jawatankuasa ini. Majlis telah bersetuju diadakan undang-undang untuk menghukum orang-orang Islam yang murtad.

Putusan mesyuarat Majlis ini telah disampaikan kepada Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi. Seterusnya Setiausaha Majlis telah menghubungi Pegawai Jawatankuasa untuk memanggil mesyuarat bagi membincangkan perkara ini. Akhirnya melalui surat Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi

telah memberi pandangan atas keputusan Majlis seperti berikut:

- (i) Daripada segi undang-undang yang berhak membuat dan meluluskan undang-undang itu ialah Kerajaan-kerajaan Negeri. Di bawah Artikel 76, Perlembagaan Persekutuan boleh juga membuat dan meluluskan satu undang-undang menghukum orang-orang yang murtad tetapi undang-undang itu tidak boleh berkuatkuasa di mana-mana negeri sehingga undang-undang itu diterima dengan satu undang-undang oleh badan Perundangan Negeri itu dan selepas itu undang-undang tersebut adalah disifatkan satu Undang-undang Negeri dan bukan Undang-undang Persekutuan.

Pada pendapat saya undang-undang ini cuma boleh dibuat dan diluluskan oleh Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan selepas satu pindaan dibuat di dalam Perlembagaan Persekutuan di bawah Artikel 11. Saya berpendapat demikian oleh kerana seorang yang telah menjadi murtad bukanlah orang Islam lagi, dan yang demikian tidak lagi tertakluk di bawah Undang-undang Negeri yang boleh menghukum orang-orang Islam.

Lagi, Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan telah memberi jaminan kebebasan sebagaimana yang ternyata dalam Perlembagaan Persekutuan. Any other religion may be practised in peace and harmony in any part of the Federation. Seseorang yang lebih daripada 18 tahun memilih ugamanya. Pendekkata undang-undang yang dicadang boleh dibuat sekiranya dibuat pindaan kepada Perlembagaan dengan mengadakan satu peruntukan bagi maksud ini. U gama Islam sendiri tidak memaksa seorang memeluk u gama Islam sebagaimana ternyata dalam Al-Quran, "La-ikrahafiddin"—"There shall be no compulsion in religion".

Tuan Yang di-Pertua: Mengapa tentang itu dalam bahasa Inggeris?

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tidak ada paksaan dalam u gama Islam. Pendekkata undang-undang yang dicadangkan boleh dibuat sekiranya dibuat pindaan kepada Perlembagaan dengan mengadakan satu peruntukan yang maksud ini.

Kesulitan dan Implikasi

Sekiranya undang-undang ini diluluskan, ini bermakna kebebasan beragama di negeri ini ialah bagi orang-orang yang bukan Islam sahaja. Tuduhan ini boleh dipatahkan dengan alasan agama Islam adalah agama rasmi, jadi patut satu undang-undang diadakan bagi menjaga kesucian agama rasmi dan penganut-penganutnya. Akan ada tuduhan kelak yang ajaran-ajaran agama Islam sudah menjadi begitu lemah sehingga ada orang-orang Islam yang sanggup menukar ugamanya dengan sebab tidak sesuai dengan hidup tamaddun ini, pada hal tuduhan ini tidak benar dan bilangan yang murtad amatlah sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, adakah difikirkan hukuman penjara atau denda boleh menukar orang-orang yang murtad balik ke pangkal jalan mahu bertaubat dan kembali masuk Islam semula?

Tuan Yang di-Pertua: Saya harap kalau dapat Yang Berhormat ringkaskan sedikit. Panjang sangat jawapan itu.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Ya.

Oleh yang demikian usaha-usaha yang sedang dijalankan oleh Majlis Hal Ehwal Ugama Islam tentang agama Islam ini sudah banyak dilakukan dan insyaAllah bila Majlis ini dapat laporan-laporan yang tertentu akan dapatlah dijalankan apa yang dikehendaki dan apa yang dipersoalkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Terima kasih.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, adakah orang-orang Islam yang menganggotai Freemason yang belum bertaubat boleh dianggap murtad atau keluar dari Islam? Jika ya, adakah Kerajaan bercadang bertindak terhadap mereka jika mereka masih lagi belum bertaubat.

Tuan Yang di-Pertua: Ini bertanyakan fikiran. Ini tidak diizinkan oleh Peraturan Mesyuarat.

Tuan Mohd. Nakhale bin Haji Ahmad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Di antara tugas-tugas Task Force itu ialah mengkaji semula hukuman-hukuman untuk menentukan hukuman-hukuman yang lebih berat kepada orang yang bersalah di bawah

Undang-undang Islam. Adakah Yang Berhormat Menteri berkenaan sedar bahawa usaha-usaha ke arah itu terhalang oleh Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa), 1965 dan adakah Kerajaan bercadang hendak memansuhkan Akta itu dengan mengganti dengan Akta yang baru atau meminda supaya dengan itu kemajuan dalam bidang Perundangan Islam dapat terus berjalan?

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar hakikat ini dan usaha sedang dijalankan untuk mengkaji keseluruhan Undang-undang Syariah supaya undang-undang Islam dapat berjalan dengan lancar dan baik

NAIK DARJAH SECARA OTOMATIK

3. **Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan akan mengkaji semula sistem naik darjah secara automatik diberhentikan, sebaliknya menggantikan semula sistem peperiksaan naik darjah yang difikirkan akan memberi satu persaingan kepada murid-murid sesuai dengan hasrat meninggikan pencapaian taraf pelajaran yang tinggi. Jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kementerian Pelajaran belum bercadang untuk mengkaji semula sistem naik darjah secara automatik untuk menggantikannya dengan sistem peperiksaan naik darjah.

Bagi menjamin mutu pencapaian pelajaran yang tinggi, Kementerian saya telah mengadakan Ujian Penilaian Awal untuk Darjah Tiga dan peperiksaan Penilaian Darjah Lima. Kementerian saya yakin kedua-dua ujian ini boleh menanamkan semangat pertandingan di bidang pelajaran di kalangan murid-murid.

Untuk menentukan supaya murid-murid yang lemah tidak ketinggalan pihak Kementerian telah mengadakan kelas-kelas pemulihan di mana murid-murid yang lemah diberi bimbingan di dalam matapelajaran berkaitan. Setakat ini kelas-kelas khas ini telah dimulakan di beberapa buah sekolah dan akhirnya akan meliputi semua Sekolah Rendah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Au How Cheong.

(Soalan No. 4 Y.B. Tuan Au How Cheong tidak hadir)

LALULINTAS DI BANDARAYA

5. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan:

- (a) apakah kemajuan yang telah dicapai setakat ini oleh Kerajaan untuk mengatasi kesesakan lalulintas di Bandaraya dan bilakah kesesakan ini dapat di atasi; dan
- (b) adakah Kerajaan akan menimbang mengadakan suatu sistem monorail atau keretapi bawah tanah (subways) sebagai suatu langkah jangka panjang untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalulintas Bandaraya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan sedar tentang kesesakan lalulintas di Kuala Lumpur akibat pertambahan bilangan kenderaan dan pembangunan yang pesat. Kerajaan sedang melaksanakan "Second Kuala Lumpur Urban Transport Project" atau Projek Pengangkutan Bandar Kuala Lumpur Yang Kedua di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dengan bantuan kewangan dan teknikal dari Bank Dunia. Projek tersebut dijalankan oleh Jabatan Kerja Raya dan Dewan Bandaraya dan mengandungi sekim-sekim seperti memperbaiki simpang-simpang, meluaskan jalan, membina jalan-jalan litar, membina jejambat-jejambat dan memperbaiki sistem pengangkutan awam. Kerja-kerja pembaikan yang sedang dilaksanakan sudah tentu mengganggu lalulintas. Walau bagaimanapun, kesesakan lalulintas di Kuala Lumpur dijangka akan bertambah baik selepas Projek tersebut siap. Antara kerja-kerja jalan yang akan disiapkan nanti seperti TDS 1 (Sekim meredakan trafik) Ipoh Interchange atau Ipoh Overpass dijangka siap November 1978, TDS 2, membaiki Jalan Chan Sow Lin dan Jalan Sungai Besi dijangka siap Disember 1978, TDS Swettenham Parkway, Southern Middle Ring Road, membaiki Jalan Bangsar/Jalan Travers

dijangka siap November 1980 dan TDS 4, Southern Middle Ring Road dan Jalan Syed Putra dijangka siap November 1980. Di samping itu Kerajaan akan membina tujuh buah jambatan lintas di beberapa tempat dalam Kuala Lumpur sebagai tambahan kepada lapan yang sudah ada. Pihak swasta juga telah dan akan membina jambatan-jambatan seperti ini.

- (b) Dalam jangka panjang, pertimbangan bagi mengadakan sistem monorail atau keretapi penumpang bawah tanah atau sistem lain akan bergantung kepada corak pembangunan atau samada jumlah serta penumpuan perumahan, pekerjaan dan perdagangan mewajarkan perbelanjaan modal yang lebih besar untuk sekim seumpama itu.

Adapun tanggungjawab bagi mengatasi kesesakan lalulintas ini bukanlah berupa tanggungjawab Kerajaan semata-mata. Kerajaan boleh mengadakan kemudahan-kemudahan fizikal dan peraturan-peraturan bagi mengawal lalulintas tetapi kerjasama orang awam dalam menggunakan kemudahan-kemudahan itu dan mengikut peraturan-peraturan yang dibuat adalah penting. Umpamanya pemandu-pemandu kereta mesti mengikut lorong-lorong atau lane yang betul dan jangan pintas-memintas dan orang awam mesti menggunakan jambatan-jambatan lintas yang disediakan dan tidak sebaliknya melintas jalan sesuka hati dengan tidak mengikut peraturan-peraturan kemudahan-kemudahan yang disediakan. Pihak Polis Trafik dan Warden Trafik Bandaraya akan memperhebatkan enforcement atau penguatkuasa undang-undang dalam hal ini.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu bilakah Kerajaan dapat melaksanakan satu sekim yang dinamakan "area pricing system" sebagai satu cara untuk mengatasi kesesakan lalulintas di Bandaraya negara kita.

Kedua, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa timbulnya kesesakan lalulintas adalah kerana kekurangan koordinasi di antara agensi-agensi Kerajaan apabila menguruskan kerja-kerja

jalanraya dan kalau sedar, apakah tindakan yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan pertama "area pricing system" itu, untuk mengadakan sekim yang seumpama itu akan bergantung kepada dua faktor yang besar, iaitu public transport system mestilah dibaiki terlebih dahulu kerana bagi orang-orang yang tidak hendak memasuki kawasan itu dengan membayar wang tentulah memerlukan penggunaan bas atau bas mini atau kenderaan awam. Dan faktor kedua, jalan lingkaran dalam atau inner ring road itupun mestilah disiapkan terlebih dahulu sebelum area pricing system dimulakan, dan pada peringkat ini tidaklah dapat saya memberi satu tarikh yang tetap tetapi bolehlah dikatakan bahawa sekim itu sekarang ini adalah dalam pertimbangan aktif oleh pihak Kerajaan.

Tentang soalan yang kedua pula memanglah Kerajaan sedar bahawa kerja-kerja pembinaan jalan terutama sekali korek mengorek jalan yang sedang dijalankan oleh berbagai jabatan dalam Bandaraya Kuala Lumpur ini juga menyumbang ke arah kesesakan Lalulintas dalam Bandaraya Kuala Lumpur. Dan sebagaimana yang telah saya maklumkan di dalam Dewan yang mulia ini beberapa hari yang lalu dalam satu soalan jawab mulut, pihak Kementerian Wilayah Persekutuan akan sedaya upaya menjalankan dan mengadakan koordinasi antara jabatan-jabatan yang berkenaan supaya kerja-kerja itu dapat dikawal sehingga dapat mengurangkan kesesakan Lalulintas akibat daripada kerja-kerja pembinaan itu.

Tuan Alias bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa salah satu daripada sebab kesesakan jalanraya di Kuala Lumpur ini ialah kerana ada kenderaan-kenderaan yang berjalan perlahan-lahan, misalnya beca masih lagi dibenarkan di ibukota sedangkan kenderaan seperti ini sepatutnya sudah diharamkan sama sekali dalam kawasan Ibukota sejak lama dahulu. Apakah tindakan pihak Yang Berhormat itu hendak ambil terhadap perkara ini?

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini saya tidak nampak lagi beca-beca itu berjalan di Bandaraya Kuala Lumpur yang mengakibatkan kesesakan, di waktu malam ada juga ternampak dua tiga beca, tetapi tentang kereta berjalan lambat atau tidak yang menyebabkan kesesakan Lalulintas, saya ingat kadang-kadang bila ada kereta berjalan cepat pun akan membawa kesesakan juga kerana tidak mengikut peraturan Lalulintas yang telah ada. Berkenaan perkara pengharaman beca itu, saya minta notis kerana saya tak tahu sebenarnya apakah ada cadangan seumpama Ahli Yang Berhormat katakan itu.

DATUK LEE SAN CHOON— TUDUHAN KORAPSI

6. **Tuan Chan Teck Chan** minta Menteri Undang-undang menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh BSN untuk menyiasat tuduhan-tuduhan korupsi yang dinyatakan dalam poster-poster dinding di seluruh negara terhadap Datuk Lee San Choon, Presiden MCA merangkap Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam.

Timbalan Menteri Undang-undang (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, walaupun BSN sedar bahawa adanya tuduhan-tuduhan liar terhadap Yang Berhormat Datuk Lee San Choon, Presiden MCA merangkap Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, seperti yang terkandung dalam pertanyaan itu, tetapi pihak BSN tidak boleh menjalankan apa-apa siasatan terhadap tuduhan itu, melainkan ada maklumat-maklumat yang tertentu atau mempunyai asas yang membolehkan BSN menyiasat mengikut kehendak undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tak izinkan soalan di atas ini di bawah Peraturan Mesyuarat 23, (l) (m) dan (o), saya bacakan:

"(m) sesuatu pertanyaan tidak boleh dikeluarkan, membayangkan sifat atau kelakuan seseorang jika kelakuannya itu hanya boleh disoal dengan mengeluarkan satu usul bersendirinya dalam mesyuarat;

(o) sesuatu pertanyaan yang menuduh atau yang membayangkan tuduhan terhadap sifat diri seseorang itu tidak dibenarkan;"

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sebenarnya adalah merupakan satu perkara yang berkaitan dengan kepentingan orang ramai kerana ada poster-poster disebarikan di seluruh negara baik di pekan, kota atau di luar bandar.....

Tuan Yang di-Pertua: Walau apa pun, saya menjalankan soal jawab ini mengikut Peraturan Mesyuarat. Kalau Peraturan Mesyuarat tak mengizinkan, saya tak boleh benarkan.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Apa yang dijawab tidak berkait tuduhan tadi, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, dalam proses siasatan ini, adakah Yang Berhormat Menteri berkenaan itu telah dipanggil oleh BSN untuk memberi statement daripadanya supaya kedudukan yang sebenarnya boleh dijelaskan.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Kurang dengar, boleh ulang semula?

Tuan Chan Teck Chan: Dalam proses siasatan BSN ini, adakah Yang Berhormat Menteri yang dituduh terlibat dalam korupsi ini telah dipanggil oleh BSN untuk mengambil statement daripadanya supaya butir-butir maklumat yang lebih lanjut boleh diberikan kepada BSN untuk membuktikan kepada orang ramai bahawa tuduhan ini adalah tidak berasas dan tidak benar?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sebelum BSN dapat menjalankan sesuatu penyiasatan, hendaklah terlebih dahulu ada satu laporan ataupun maklumat yang tertentu dan poster-poster ini tidak dikira sebagai laporan atau maklumat.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama, Tuan Yang di-Pertua telah membenarkan soalan ini dikemukakan dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Itu menunjukkan tiap-tiap satu soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dimasukkan, tidak

dipotong sampai dikemukakan di sini. Hendak dipotong daripada awal lagi boleh juga mengikut kuatkuasa yang ada.

Tuan P. Patto: Bukan begitu maksud saya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Cara soalan yang dikemukakan, begitulah jawapannya.

Tuan P. Patto: Soalan tambahan. Oleh kerana soalan tersebut sudah pun dibenarkan maka saya membuat satu soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan tidak ada aduan ataupun maklumat-maklumat yang telah dikemukakan kepada BSN. Bolehkah saya bertanya adakah maklumat yang diberi dalam Dewan ini tentang perkara ini atau bersabit dengan soalan ini dianggap sebagai maklumat rasmi oleh pihak BSN atau tidak?

Tuan Yang di-Pertua: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah menjawab bahawa poster itu tidak boleh dikira. Tetapi kalau Yang Berhormat nanti tulis surat kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atau BSN, waktu itu berikan maklumat untuk membantu.

Tuan P. Patto: Saya ingin memberi penjelasan sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Maklumat tentang rasuah mengenai Menteri yang berkenaan telahpun dibangkitkan di dalam Dewan ini pada tahun sudah oleh rakan saya dari Ipoh. Itulah saya bertanya samada maklumat yang diberi di dalam Dewan ini boleh dianggap dan diterima oleh BSN sebagai satu maklumat dan melanjutkan siasatan maklumat itu.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat yang bertanya itu ada mempunyai keterangan dan bersikap berani, bolehlah Yang Berhormat itu membuat laporan kepada BSN mengenai perkara ini.

Tuan Lim Cho Hock: Tuan Yang di-Pertua, dahulu saya ada berucap di Dewan ini mengenai Yang Berhormat dari Segamat ada satu bank akaun di Hongkong di atas nama Francis Lee dan saya ada memanggil BSN menyiasat perkara ini tetapi sampai sekarang kita tidak dengar apa-apa.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi soalan tambahannya apa?

Tuan Lim Cho Hock: Soalan tambahan saya, saya mahu tahu daripada Timbalan Menteri, adakah atau tidak BSN siasat perkara ini?

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi notis iaitu kenyataan itu bahawa saya ada satu bank akaun di Hongkong atas nama Francis Lee ini tidak benar dan saya akan memberi notis kepada Tuan Yang di-Pertua untuk mengambil perkara ini kepada Privilege Committee supaya tindakan yang sesuai diambil kepada Yang Berhormat itu.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri yang berkenaan, adakah menjadi amalan kepada BSN untuk menyiasat sebarang tuduhan yang dibuat dalam Dewan dan tuduhan ini telah dinafikan, dan juga kepada sebarang tuduhan melalui poster-poster ataupun surat-surat layang mengenai seseorang yang tertentu?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya jawab sekejap tadi, kalau ada sesiapa yang mempunyai keterangan dan bersikap berani, bolehlah membuat laporan kepada BSN dan ditandatangani laporan itu.

Tuan Lim Kit Slang: Oleh kerana dalam Dewan ini bekas Menteri Undang-undang ada berkata bahawa Kerajaan akan siasat semua tuduhan samada ditandatangani atau tidak ditandatangani—ini terdapat dalam Hansard tahun 1975. Soalan saya ialah oleh kerana tuduhan-tuduhan ini bukan sahaja di poster-poster tetapi di lain-lain tempat, samada BSN baru-baru ini atau dalam satu dua tahun ini membuat apa-apa siasatan mengenai tuduhan-tuduhan terhadap Presiden MCA merangkap Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam?

Dato Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, BSN tidak boleh gunakan poster-poster itu. Seperti kata Yang Berhormat tadi berkenaan dengan maklumat-maklumat yang tidak ditandatangani, BSN hanya dapat menjalankan penyiasatan

sekiranya maklumat-maklumat itu berasas.

Tuan Lim Kit Slang: Soalan tambahan saya ialah samada BSN ada menjalankan siasatan terhadap Yang Berhormat Menteri berkenaan atau tidak?

Dato Abdullah bin Abdul Rahman: (*Tidak kedengaran*)

BANGUNAN KAYU SEKOLAH KEBANGSAAN ATAS TOL, KUALA TRENGGANU

7. **Tuan Alias Ali** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa bangunan kayu sekolah kebangsaan Atas Tol di daerah Kuala Trengganu tidak lagi sesuai untuk menempatkan 700 orang penuntut dan jika sedar, adakah Kementerian bermaksud hendak membina bangunan baru bagi sekolah tersebut.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya. Sekolah Kebangsaan Atas Tol, Kuala Trengganu ini mempunyai bangunan jenis separuh-kekal (bahagian bawahnya dibuat daripada batu dan bahagian atasnya daripada kayu). Namun begitu, ianya masih boleh digunakan, baik dari segi fizikal mahupun dari segi pendidikan.

Bilik darjahnya yang berjumlah 13 buah itu masih boleh menampung jumlah murid seramai 600 orang, (bukannya 700 seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat) dan adalah cukup jika diadakan kelas pagi dan petang, dan masih mencukupi bagi keperluan beberapa tahun yang akan datang.

Oleh kerana itu, Kementerian ini belum bercadang untuk menggantikan bangunan sekolah tersebut buat masa ini.

HARGA PADI

8. **Tuan Shaari bin Jusoh** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah Kementerian ini sedar bahawa kos perbelanjaan dalam membuat sawah padi amatlah tinggi jika dibandingkan dengan harga padi sekarang ini. Kalau sedar adakah rancangan Kerajaan akan menaikkan harga padi dan kalau ada, bila dan berapa harga padi yang akan ditetapkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Idris bin Abdul Rauf): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian sedar. Kajian masih dijalankan bagi mengatasi tentang kos pengeluaran tetapi hanya dengan menaikkan harga padi semata-mata tidak akan berkesan kerana para petani sendiri tidak terjamin akan faedahnya dan sayugialah dijaga ianya tidak menjejaskan kedudukan harga beras yang ada sekarang supaya tidak akan membebankan pengguna-pengguna beras.

GURU-GURU BESAR DAN PENGELOLA-PENGELOLA SEKOLAH

9. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa temuduga bagi kenaikan pangkat guru-guru besar dan Pengelola-pengelola tidak diadakan oleh Suruhanjaya Pelajaran demi keadilan dan menghindarkan rasa tidak puas hati di kalangan pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Pelajaran dan samada Suruhanjaya ini terikat dengan keputusan Jabatan Pelajaran tiap-tiap negeri sahaja.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, urusan kenaikan pangkat bagi Pegawai-pegawai Perkhidmatan Pelajaran adalah dilaksanakan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran berkenaan mengikut peraturan-peraturan Pemberitahu Undang-undang (A) 89 bertarikh 14hb Mac, 1974. Keahlian Lembaga-lembaga Kenaikan Pangkat adalah terdiri dari pegawai-pegawai kanan Kerajaan, mengikut kumpulan jawatan yang terlibat.

Pemberitahu Undang-undang (A) 89 juga memperuntukkan hak-hak merayu jika seseorang pegawai itu tidak berpuas hati di atas urusan kenaikan pangkat yang telah dilaksanakan oleh Lembaga-lembaga Kenaikan Pangkat berkenaan.

Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri hanya terlibat dari segi membuat perakuan-perakuan dan memberi maklumat-maklumat yang diperlukan kepada Lembaga-lembaga kenaikan Pangkat berkenaan, tetapi sebarang keputusan kenaikan pangkat adalah merupakan kuasa Lembaga Kenaikan Pangkat itu semata-mata.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran sedar bahawa kenaikan pangkat guru-guru dan pegawai-pegawai pelajaran tidak ditemuduga sama sekali, cuma terus dinaikkan bagi menduduki tempat-tempat yang dikosongkan itu, walhal kerani-kerani negeri dan Federal apabila ada kenaikan pangkat mesti ditemuduga. Soalannya adakah Timbalan Menteri Pelajaran menentukan kenaikan pangkat kakitangan Jabatan Pelajaran terus menerus tidak ditemuduga.

Dato' Chan Siang sun: Tuan Speaker, sistem kerja di dalam Lembaga Kenaikan Pangkat ini ialah menerima maklumat-maklumat dan juga laporan-laporan daripada Jabatan-jabatan Negeri, inilah satu sistem kerja yang sudah ada. Jadi tidak payah buat temuduga tiap-tiap guru oleh kerana sampai pada hari ini dalam negara kita force atau tenaga pengajar sekarang ialah 104,000 orang guru. Jika tiap-tiap guru naik pangkat ada temuduga, barangkali payah sedikit. Lembaga Kenaikan Pangkat untuk sistem kerja ini cuma terima laporan-laporan, maklumat-maklumat daripada tiap-tiap Jabatan Negeri, bergantung kepada itulah mereka membuat penilaian untuk memberi kenaikan pangkat itu.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri ini sedar dan faham bahawa kenaikan pangkat secara ini melibatkan frustrasi dalam tiap-tiap jiwa guru yang difikirkan layak tetapi tidak dapat kenaikan pangkat.

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan soalan tambahan. Saya telah ingatkan dahulu, tidak boleh dijadikan helah untuk berbahas.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker.....

Tuan Yang di-Pertua: Saya sudah putuskan, hendak tambah lagi pula!

PERMIT KERJA

10. Dr. Tan Tiong Hong minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan mengapa Jabatan di bawah jagaannya

mengambil jangka masa yang lama untuk memperoses dan meluluskan 'Permit Kerja' kepada mereka yang tinggal tetap di dalam Malaysia kita. Oleh kerana tangguhan itu telah mengakibatkan mereka masing-masing kehilangan pekerjaan.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menerima kenyataan bahawa pemohon-pemohon permit kerja kehilangan pekerjaan mereka kerana kelewatan memproses permohonan mereka. Pada 31hb Ogos, 1978 terdapat seramai 30,207 penduduk tetap di Malaysia yang sedang bekerja dengan menggunakan permit kerja. Di antara mereka ini lebih separuh, iaitu seramai 15,572 orang adalah termasuk ke dalam golongan kes-kes pembaharuan permit mereka secara automatik disebabkan oleh kehampiran taraf mereka kepada warganegara Malaysia. Bagi kes-kes pembaharuan secara automatik ini tidak ada kelewatan sama sekali dalam membaharui permit-permit kerja mereka. Permohonan mereka adalah dibaharui apabila sahaja mereka memohon tanpa menggunakan Borang yang ditentukan.

Bagi kes-kes pembaharuan bukan automatik, yang kurang dari separuh jumlahnya, rujukan permohonan-permohonan mereka kepada Pejabat Pekerjaan atau Biro Pekerjaan Iktisas, Jabatan Tenaga Rakyat, adalah perlu dibuat untuk menentukan samada terdapat atau tidak warganegara yang layak untuk pekerjaan-pekerjaan yang dipohonkan itu. Tidak ada kelewatan dalam proses ini dan segala usaha untuk mempercepatkan urusan, termasuk panggilan talipon, sentiasa diusahakan.

Dalam pada itu pula, mulai 1hb Ogos, 1978 ini beberapa perubahan telah dilaksanakan untuk meringkaskan lagi proses pengeluaran dan pembaharuan permit kerja. Temuduga calon-calon warganegara tidak lagi dimestikan bagi kes-kes permohonan pembaharuan yang disokong oleh pihak majikan dan kuasa untuk membaharui permit kerja seperti ini telah diberi kepada ketua-ketua Pejabat Buruh Tempatan. Semua permit kerja adalah sah untuk dua tahun dan dengan demikian tidaklah lagi permit kerja

yang sah untuk tempoh setahun atau 6 bulan seperti dahulu. Kemudahan-kemudahan bagi kes perlanjutan automatik juga adalah diperluaskan. Kesemua perubahan ini adalah menambah kemudahan kepada pemegang-pemegang permit kerja dan meringkaskan lagi proses pengeluaran dan pembaharuan permit kerja.

KUMPULAN WANG PUSINGAN SEJUTA RINGGIT

11. Tuan P. Patto minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) siapakah sebenarnya yang berhak meminjam wang daripada Kumpulan Wang Pusingan Sejuta Ringgit, dan samada ini termasuk juga golongan-golongan berpendapatan rendah dari ladang-ladang dan lombong-lombong;
- (b) samada benar bahawa pinjaman wang perumahan daripada Kumpulan Wang Pusingan \$1 juta itu hanya dihadkan kepada pekerja-pekerja di ladang-ladang sahaja sepertimasa diberi gambaran oleh pemimpin-pemimpin Malaysia Indian Congress (M.I.C.) khususnya Timbalan Menteri Buruh dan merata-rata tempat di negara kita;
- (c) samada benar Kementerian beliau hanya akan memberi pinjaman kepada pemohon-pemohon yang berjaya yang ada dalam kawasan Wilayah Persekutuan, Selangor, kawasan lingkungan lima belas batu Kuala Trengganu dan sepuluh batu lingkungan bandar Ipoh, jika ya, bilakah pemohon-pemohon dari tempat-tempat lain boleh memohon dan permohonan mereka itu boleh ditimbang untuk pinjaman daripada Kumpulan Wang Pusingan itu; dan
- (d) berapa banyak wang daripada Kumpulan Wang Pusingan itu telah dipinjamkan kepada orang-orang yang berpendapatan rendah dan berapa orang telah diberi pinjaman itu setiap tempat serta jumlahnya.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan-soalan Ahli Yang Berhormat

eloklah saya membetulkan kesilapan daripada soalan Ahli Yang Berhormat itu. Sebenarnya Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan kepada golongan berpendapatan rendah yang diluluskan peruntukan pertamanya sebanyak \$10 juta dan bukannya \$1 juta sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam soalan-soalannya.

Bagi menjawab soalan (a) mereka yang layak memohon pinjaman dari Kumpulan Wang ini ialah semua warganegara Malaysia yang terdiri dari golongan berpendapatan rendah dan ini termasuklah pekerja-pekerja ladang dan lombong.

Untuk jawapan (b) adalah tidak benar sekiranya ada perakuan dari mana-mana badan politik bahawa Kumpulan Wang Pusingan \$10 juta ini adalah untuk pekerja-pekerja ladang dan lombong sahaja. Yang sebenarnya ada 4 sekim di bawah Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Perumahan ini:

- Sekim A ... Mereka yang tinggal dan mempunyai tanah di persekitaran suatu estet perindustrian atau mereka yang tinggal dan mempunyai tanah berhampiran dengan kawasan-kawasan punca pendapatan.
- Sekim B ... Bagi penduduk-penduduk kampung baru yang diberi tanah oleh Kerajaan-kerajaan Negeri.
- Sekim C ... Untuk pekerja-pekerja estet dan lombong.
- Sekim D ... Setinggalan-setinggalan dan lain-lain orang yang terlibat dalam projek-projek pembangunan Kerajaan Persekutuan.

(c) Bagi menjawab memang benar sehingga ini Kementerian hanya memproses permohonan-permohonan dari kawasan Wilayah Persekutuan, Negeri Selangor, kawasan 15 batu lingkungan bandar Kuala Trengganu dan 10 batu lingkungan bandar Ipoh.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya telah memulakan sekim ini

di bandar Kemaman dan akan memulakan di bandar Kangar. Insyallah Kementerian saya akan terus berusaha sedaya upaya lagi meluaskan kawasan-kawasan pelaksanaan yang sedia ada.

(d) Bagi menjawab untuk makluman dan pengetahuan Ahli Yang Berhormat Kementerian saya telah meluluskan sejumlah \$458,000 bagi 106 pinjaman yang telah diluluskan. Pembahagian kawasan ialah:

Wilayah Persekutuan ...	16	pinjaman
Selangor	10	pinjaman
Kuala Trengganu ...	79	pinjaman
Ipoh	1	pinjaman
Jumlah	106	pinjaman

Tuan P. Patto: saya ingat saya ada sedikit kesilapan dan saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk membetulkan angka itu. Tuan Speaker bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu memberitahu agak bilakah rancangan pinjaman ini boleh diberikan kepada seluruh Malaysia dan tidak terhad kepada satu-satu tempat sahaja seperti mana berlaku sekarang.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang dipertua, boleh tidak boleh, ini memang Kementerian saya telahpun sebagaimana saya katakan tadi iaitu negeri-negeri sebab pada tahun 1977 sahaja wang amanah pinjaman ini dilancarkan dan pada masa yang akan datang Kementerian saya telahpun sebagaimana saya katakan iaitu ke Kangar (Perlis), Alor Setar, Sungai Petani dan Kulim (Kedah) Seberang Perai Utara, Pulau Pinang, Melaka, Muar (Johor) Kuantan (Pahang), Kota Bharu dan Bachok (Kelantan) dan Negri Sembilan. Ini bermakna apa yang disoalkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ada rancangan bagi hendak meluaskan di seluruh negara kita.

Tuan P. Patto: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan 4 syarat. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri timbang dan juga menyertakan satu lagi iaitu tanah-tanah yang ditukar hakmilik; bukan tanah Kerajaan tetapi ditukar hakmilik, samada di kampung-kampung baru ataupun

di mana-mana tempat, bolehkah pemilik-pemilik baru itu yang miskin, juga memohon untuk mendapatkan pinjaman daripada wang pusingan ini.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi tanah-tanah yang diberi oleh Kerajaan Negeri—tanah dalam bidangkuasa Kerajaan Negeri—tetapi kalau ada syarat sebagaimana yang dikehendaki itu memang Kementerian saya ini mengikut dasar dalam Rancangan Malaysia Ketiga kita hendak memberi keselisaan atau decent shelter kepada semua rakyat atau kepada mereka-mereka yang berpendapatan rendah, yakni mereka-mereka yang berhajat kepada rumah, orang yang tidak berpeluang mendapat rumah yang memang melalui Sekim ini kita hendak melancarkan seluas-luasnya.

PROGRAM TV DAN RADIO

12. **Tuan Chan Teck Chan** minta Menteri Penerangan menyatakan apakah tindakan yang telah diambil untuk memperbaiki program TV dan Radio, khususnya di Sabah, supaya dapat mencerminkan aspirasi dan corak rakyat Malaysia yang berbilang kaum ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Embong bin Yahya): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sentiasa mengambil langkah-langkah tertentu untuk meningkatkan mutu persembahan rancangan-rancangan RTM agar ianya membantu Kerajaan dalam usaha menyatupadukan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Antara langkah-langkah yang telah diambil ialah menambahkan penerbitan-penerbitan tempatan serta menjalankan penilaian terhadap kesemua rancangan-rancangan TV dan Radio agar ianya sesuai dengan kehendak dan cita-cita negara. Saya suka menegaskan di sini bahawa walau bagaimana gigih sekalipun usaha ini dijalankan, ianya adalah bergantung kepada terwujudnya sumber-sumber tempatan yang cukup untuk menggantikan bahan-bahan siaran radio dan TV dari luar negeri, seperti filem-filem yang diimport, serta fahaman rakyat Malaysia sendiri terhadap cita-cita negara.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Saya yakin Yang Berhormat tentu sedar bahawa program TV di Sabah dan Sarawak masih belum dapat mencerminkan corak masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa. Bilakah program TV di Sabah dan Sarawak akan diperbaiki supaya program-program TV dalam bahasa Cina dan Kadazan akan diberikan perhatian?

Dato' Haji Embong bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi memang Kerajaan sentiasa membaiki rancangan-rancangan itu baik di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah. Tetapi bergantung kepada yang dikatakan tadi bahan-bahan yang diperolehi dan rancangan TV tidak bergantung kepada sesuatu kaum, melainkan kepada rancangan nasional. Kita sedar bahawa Sabah masih terdapat lagi kekurangan dalam menikmati TV dan Kerajaan sekarang sedang berikhtiar supaya di Sabah dan Sarawak juga mendapat dua saluran seperti yang didapati atau diperbuat di Semenanjung Malaysia. Dengan itu saya rasa Malaysia timur akan boleh banyak lagi menikmati rancangan-rancangan TV seperti yang dinikmati di sebelah sini.

Tuan P. Patto: Sedarkah Yang Berhormat atau pihak Kementerian bahawa sarikata-sarikata yang digunakan dalam TV iaitu sarikata Bahasa Malaysia nampaknya, yang pertama ejaan yang merupakan ejaan rojak; ada yang ejaan baru, ada yang ejaan lama dan juga ayat-ayat yang didapati tidak lengkap. Adakah Kerajaan sedar atau Kementerian sedar dan apakah tindakan yang akan diambil untuk memperbaiki keadaan ini supaya rakyat dapat juga mempelajari Bahasa Malaysia dengan betul-betul daripada Talivisyen?

Dato' Haji Embong bin Yahya: Memang Kerajaan sedar bahawa bahasa itu memainkan peranan yang penting. Kalau ada didapati kesalahan dalam sarikata itu bukan maknanya disengajakan. Boleh jadi salah taip ejaan-ejaan itu dan ditayangkan, itu bukanlah salah pada dasar Kerajaan tidak membaiki Bahasa Malaysia dan kalau boleh Yang Berhormat sendiripun cuba membuat saranan daripada semasa ke semasa bagaimana cara hendak membaiki ejaan Bahasa Malaysia di talivisyen.

Dr Tan Tjong Hong: Soalan Tambahan. Adakah Timbalan Menteri Kementerian berkenaan mempunyai rancangan menambahkan lagi satu channel di Sabah untuk mengatasi masalah TV di negeri itu?

Dato' Haji Embong bin Yahya: Baru sebentar saya memberi jawapan tadi iaitu Kerajaan melalui Kementerian adalah dalam kajian dari semasa ke semasa hendak memberi Sabah dan Sarawak 2 channel seperti yang dinikmati di Semenanjung Malaysia. Ini terpulanglah kepada keadaan masa dan kemampuan Kerajaan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak bertanya lagi?

Tuan P. Patto: Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab bagi pihak Kementerian berkata bahawa barangkali taip salah begitu-begini. Kalau taip yang salah, bolehkah Yang Berhormat itu atau Kementerian beliau menimbang supaya orang-orang yang lebih layak ditugaskan di Kementerian beliau supaya Bahasa Malaysia dan taraf Bahasa Malaysia tidak terjejas?

Tuan Yang di-Pertua: Kalau silap taip pun hendak gantikan dengan orang lain, itu melampau sangatlah (*Ketawa*). Ahli Yang Berhormat dari Baling!

Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, silap juga tadi, angka \$1 juta itu! (*Ketawa*).

Tuan P. Patto: Tersilap.

Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah di dalam rancangan memperbaiki lagi program TV ini Kerajaan akan membanyakkan lagi program-program tempatan kerana program-program luar negeri sekarang ini rationya begitu banyak sekali kerana yang dalam Bahasa Malaysianya hanya lebih kurang 54% sahaja. Adakah Kerajaan bercadang atau Kementerian berkenaan bercadang untuk membanyakkan lagi program-program di dalam Bahasa Malaysia dan juga bagi menggambarkan atau sampai kepada tujuan diwujudkan TV itu, bukan semata-mata untuk hiburan dan juga dengan adanya

rancangan yang banyak daripada rancangan luar negeri ini boleh juga merosakkan fikiran rakyat.

Dato' Haji Embong bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat faham apa yang saya jawab tadi harus dia sudah maklum iaitu Kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa membaiki rancangan-rancangan radio dan TV untuk keadaan yang lebih baik tetapi walau bagaimanapun rancangan yang hendak dibuat atau hendak ditambah baik tempatan dan sebagainya adalah berdasarkan kepada cita-cita negara. Kalau sekiranya hal-hal tempatan sekalipun yang tidak sesuai dengan cita-cita negara atau kepentingan negara maka harus tidak disiarkan di TV dan memang kita sedar bahawa masa ini tidak banyak tetapi yang ada hanyalah dalam beberapa puluh peratus, 40% barangkali rancangan-rancangan luar negeri, yang lain itu semuanya rancangan-rancangan nasional kita daripada tempatan dan ini dialami oleh seluruh TV di dunia. Rasa saya tidak ada satu negeri yang menyiarkan hanya semata-mata program tempatan melainkan mestilah diambil, ditunjukkan hal luar negeri. Ini merupakan kemajuan kepada negeri itu melihat rancangan-rancangan negeri-negeri lain tetapi kita sentiasa menapis kalau ada yang tidak sesuai dengan dasar nasional kita, kita tidak tunjukkan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Jawapan bagi Pertanyaan No. 4 adalah diberi di bawah ini).

PENYAKIT TAUN

4. **Tuan Au How Cheong** minta Menteri Kesihatan menyatakan betapa seriousness penyakit taun tanahair kita. Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk mengawal dan menghapuskan penyakit ini.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Sehingga 4hb November 1978, 1,525 kes, termasuk 62 kematian telah dilaporkan. Pada tahun ini, semua negeri telah terlibat kecuali Melaka.

Kadar kematian, walau bagaimanapun, telah berkurangan di dalam wabak sekarang iaitu 4%. Sebahagian dari sebab kekurangan kadar kematian ini ialah perluasan

perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang disediakan di seluruh Malaysia, terutama di kawasan-kawasan pedalaman, dan kes-kes diberi rawatan dengan segera. Malangnya, terdapat jua kes-kes yang tidak mendapat rawatan perubatan langsung, ataupun terlambat mendapat rawatan, dan inilah yang menyebabkan kadar kematian sebanyak 4% itu.

Bilangan kes yang besar yang dikesan dan disahkan di dalam wabak sekarang sebahagian daripadanya adalah kerana penyiasatan-penyiasatan intensif yang dijalankan oleh kakitangan kesihatan di semua kawasan-kawasan yang terlibat. Ini ditunjukkan juga oleh bilangan besar (1,604) pembawa kuman yang dikesan, iaitu orang-orang yang mengandungi kuman taun di dalam najisnya, tetapi tidak mengidap cirit-birit atau/dan muntah-muntah akibat daripadanya. Tanpa siasatan yang luas dan bersungguh-sungguh, banyak kes-kes dan pembawa kuman mungkin tidak dapat dikesan.

Penyiasatan epidemiologi oleh pasukan kesihatan telah menunjukkan iaitu di semua kawasan-kawasan yang terlibat secara berat, cara jangkitan ialah melalui air yang dicemari oleh kuman taun. Di kawasan-kawasan ini, bekalan air utama adalah dari sungai, parit, taliair dan perigi. Setakat ini, dari 10,762 contoh air yang diambil, 334 atau 3% dikesan mengandungi kuman taun. Selalunya, punca-punca bekalan air ini dicemarkan oleh cara pembuangan najis. Oleh kerana kes kolera boleh mengeluarkan berjuta-juta kuman kolera di dalam najis, pencemaran ke atas punca-punca bekalan air yang mengandungi najis-najis tersebut boleh menyebabkan wabak kolera.

Pasukan kesihatan telah menjalankan siasatan epidemiologi dengan cara yang luas, mengesan kes-kes kolera yang disyaki, mengesan pembawa-pembawa kuman, memberikan rawatan pencegahan bagi kontak (contacts) dan pembawa kuman, membubuh klorin pada punca-punca bekalan air yang dipercayai dicemar, dan membina tandas untuk mencegah daripada tercemarnya sungai-sungai dan lain-lain punca bekalan air oleh najis yang mengandungi kuman kolera.

Di kawasan di mana bekalan air diperlukan segera, kerjasama dari Jabatan Kerja Raya telah diminta untuk membekalkan air dengan menggunakan lori. Nasihat melalui pelajaran kesihatan dan ceramah kesihatan oleh pasukan kesihatan dan juga melalui sebaran am telah diberi kepada penduduk-penduduk di kawasan-kawasan yang terlibat untuk meminum air yang telah dimasak, menjaga kebersihan diri, makan makanan yang dimasak dan menyimpan makanan dari dihinggap lalat. Suntikan taun telah juga dijalankan. Kes-kes dan pembawa kuman telah dirujuk kepada hospital untuk rawatan segera dan berkesan.

Kementerian Kesihatan selanjutnya akan diperluaskan lagi bagi menentukan, bersama dengan rancangan bekalan air luarbandar, bahawa penduduk luarbandar akan mempunyai tandas sempurna dan akan mendapat bekalan air paip atau bekalan air perigi yang terjamin. Adalah dicadangkan supaya rancangan kebersihan luarbandar diperhebatkan lagi.

USUL-USUL

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 21) 1978

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam seksyen 11, Akta Kastam 1967, tempoh untuk mengesahkan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 21) 1978, yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 42 tahun 1978, dilanjutkan sehingga 24hb November, 1978.

Tuan Yang di-Pertua, tempoh untuk mengesahkan Perintah ini seperti diperuntukkan dalam seksyen-kecil (2) seksyen 11 Akta Kastam tahun 1967 ialah 21 hari dari tarikh Kertas Undang-undang itu dibentangkan. Oleh kerana perbahasan atas Belanjawan tahun 1979 masih berjalan lagi dan persidangan Dewan Rakyat akan ditangguhkan antara 9hb November dan 13hb November, 1978 yang bermakna pada hari

Dewan bersidang semula tempoh 21 hari itu telah tamat. Maka adalah perlu bagi tempoh untuk mengesahkan Perintah itu dilanjutkan.

Dato Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam seksyen 11, Akta Kastam 1967, tempoh untuk mengesahkan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 21) 1978, yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 42 tahun 1978, dilanjutkan sehingga 24hb November, 1978.

AKTA EKSAIS, 1976

Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1978

Dato Dr Neo Yee Pan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam seksyen 6, Akta Eksais 1976, tempoh untuk mengesahkan Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1978, yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 43 tahun 1978, dilanjutkan sehingga 24hb November, 1978.

Tuan Yang di-Pertua, tempoh untuk mengesahkan Perintah ini seperti diperuntukkan dalam seksyen-kecil (2) dalam seksyen 6, Akta Eksais 1976 ialah 21 hari dari tarikh Kertas Undang-undang itu dibentangkan oleh kerana perbahasan atas belanjawan tahun 1979 masih berjalan lagi dan persidangan Dewan Rakyat yang akan ditangguhkan antara 9hb November, 1978 dan 13hb November, 1978 yang bermakna pada hari Dewan bersidang semula tempoh 21 hari itu telah tamat. Maka adalah perlu bagi tempoh untuk mengesahkan perintah ini dilanjutkan.

Dato Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam seksyen 6, Akta Eksais 1976, tempoh untuk mengesahkan Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1978, yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 43 tahun 1978, dilanjutkan sehingga 24hb November, 1978.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1979

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (6hb November, 1978)

DAN USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1979

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$8,861,133,382 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1979, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1979 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 33 tahun 1978, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut. (6hb November, 1978).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya jemput bagi memulakan jawapan ini Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat.

3.44 ptg.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua,

saya bangun untuk membuat beberapa ulasan dan jawapan terhadap beberapa perkara yang dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidang-kuasa Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Langat telah antara lain menyentuh tentang gaji minima yang patut dibayar kepada pekerja-pekerja kita untuk mencapai taraf hidup yang dianggap 'above poverty level'. Kerajaan memang sedar bahawa cadangan-cadangan seperti telah berkali-kali disuarakan samada di dalam mahupun di luar Dewan ini. Mereka yang mencadangkan ini juga berpendapat bahawa dengan adanya gaji minima di negara ini, maka ia dengan sendirinya dapat menghapuskan persaingan yang tidak adil dan merupakan satu daripada dasar menyeluruh untuk melipat-gandakan pembangunan serta pembahagian hasil negara dengan lebih adil. Pihak Kerajaan telah menimbangkan perkara ini dengan sedalam-dalamnya dan telah diputuskan bahawa dalam Peringkat Pembangunan Negara sekarang masanya belum sesuai untuk mengadakan gaji minima ini disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

(a) Negara kita masih menghadapi pengangguran sebanyak 6.3% dengan jumlah penduduknya yang bergaji adalah kurang dari separuh dari jumlah penduduknya yang aktif di dalam bidang ekonomi atau (*dengan izin*) economically active population);

(b) terdapat satu taraf hidup yang tidak sama di antara penduduk-penduduk bandar yang sebahagian besarnya merupakan 'wage-earning population', dengan mereka yang tinggal di luar bandar yang terdiri daripada mereka yang bekerja sendiri pada amnya;

(c) masih terdapat sebilangan besar firma-firma kecil yang ujud dengan cara tradisional dan bergerak secara sekeluarga dan keuntungan yang marginal; dan

(d) memandangkan kepada keperluan negara untuk menarik lebih lagi pelaburan dalam ekonominya kita haruslah berwaspada bahawa kita tidak menghalang perusahaan-perusahaan yang baru muncul. Memang selepas perusahaan itu dijalankan dengan memuaskan, taraf gaji dan lain-lain akan juga bertambah baik.

Walau bagaimana pun, kadar gaji di negara ini adalah berdasarkan kepada perjanjian-perjanjian yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak pekerja dan majikan. Akan tetapi di dalam kumpulan pekerjaan di mana Kerajaan berpendapat bahawa pihak pekerja masih lemah untuk memperjuangkan nasib mereka sendiri maka Kerajaan, melalui Ordinan Majlis-majlis Gaji, telah menetapkan gaji-gaji minima bagi 140,000 pekerja yang berkhidmat di dalam perusahaan hotel dan catering, pekerja-pekerja panggung wayang gambar, pembantu-pembantu kedai dan mereka yang bekerja sebagai stevedores dan pemunggah muatan di Pelabuhan Pulau Pinang. Kemajuan Kesatuan Sekerja di kalangan pekerja-pekerja dalam sektor-sektor ini telah berjaya mendapatkan pembayaran gaji yang lebih dari yang ditetapkan. Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyatakan bahawa Kerajaan masih belum mengadakan rancangan bagi kebajikan penyara hidup yang terputus pendapatan atau kehilangan mata pencariannya disebabkan oleh sesuatu yang di luar kuasanya.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan adalah menyedari bahawa keselamatan sosial atau social security adalah merupakan elemen yang penting untuk menentukan satu taraf hidup yang sesuai bagi pekerja-pekerja kita dan juga kadar productiviti mereka. Di samping itu juga adalah menjadi matlamat Kerajaan untuk menjamin bahawa Bencana Pekerjaan tidak akan menjejaskan pendapatan seseorang pekerja itu atau pun keluarganya. Untuk tujuan ini sebanyak \$8,627,230 telah dibayar oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial dalam tempoh 4 tahun yang lalu. Dalam tempoh sejak ianya dilancarkan, seramai 25,362 majikan dan 933,604 pekerja telah diberi perlindungan di bawah sekim ini. Perluasan perlindungan SOCSO ini adalah merupakan proses yang berterusan. Kementerian saya sedang merancang untuk meliputi segala golongan wage-earners dalam sekim SOCSO ini sebelum akhir tempoh Rancangan Malaysia Ketiga kita iaitu tahun 1980. Kementerian saya juga sedang mengkaji kemungkinan kadar pembayaran faedah pada masa ini dinaikkan dan satu had minima yang memuaskan diletakkan mengenai pembayaran ini, serta meninggikan lagi

funeral benefit yang diberi pada masa ini. Kajian-kajian juga sedang dijalankan bagi memberi perlindungan yang sama kepada petani-petani dan nelayan-nelayan. Di samping itu bagi melicinkan lagi pentadbiran Pertubuhan Keselamatan Sosial ini, maka satu rang undang-undang akan dibentangkan di Dewan ini, pada persidangan kali ini juga. Pada peringkat ini saya tidak memberi butir-butir lanjut mengenai rang undang-undang tersebut kerana Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi peluang untuk mengkaji serta membahaskannya kelak. Saya berharap kenyataan ini juga dengan sendirinya telah memberi jawapan kepada perkara yang sama yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga telah menyeru supaya satu kajian semula dijalankan ke atas undang-undang buruh dengan tujuan untuk menghapuskan perkara-perkara yang kononnya 'anti buruh'. Saya ingin menegaskan di sini bahawa Undang-undang Buruh di negara ini adalah dirangka untuk memberi perlindungan bukan sahaja kepada pihak pekerja dan majikan akan tetapi apa yang lebih penting ialah untuk membantu Kerajaan untuk mencapai matlamat pembangunan kita terutama sekali di dalam bidang mengujudkan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan. Dalam konteks ini tidak dapat tidak, mungkin terdapat beberapa peruntukan di dalam Undang-undang Buruh yang mungkin tidak begitu memuaskan hati kedua-dua pihak iaitu pekerja dan majikan. Dalam situasi yang seperti ini adalah perlu bagi Kerajaan untuk mengambil 'jalan tengah' iaitu dengan cara menimbangkan kepentingan negara dan rakyat pada keseluruhannya. Walau bagaimanapun tidaklah bermakna bahawa Kerajaan telah 'menutup pintu' perundingannya. Akan tetapi sebaliknya saya ingin mengambil peluang ini untuk menyatakan bahawa perundingannya tiga pihak di antara Kementerian saya dengan wakil-wakil dari Persekutuan Majikan Malaysia dan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia mengenai cadangan-cadangan pindaan terhadap Akta Perhubungan Perusahaan 1969 dan Ordinan Kesatuan Sekerja 1959 telahpun tamat. Walau bagaimanapun rundingan-rundingan

lanjut akan diadakan di peringkat Majlis bersama Penasihat Buruh Kebangsaan.

Ahli Yang Berhormat ini juga telah mencadangkan penubuhan satu 'integrated agency' untuk mengatasi masalah pengangguran.

Sebenarnya integrated approach itu sedang dan telah digunakan oleh Kerajaan pada masa sekarang. Rancangan Malaysia Ketiga dan Rancangan-rancangan sebelumnya telah menghadapi masalah dari segi mengujudkan lebih banyak lagi peluang pekerjaan. Peluang-peluang pekerjaan yang lebih produktif sebenarnya menjadi asas untuk usaha membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat Malaysia di bawah Dasar Ekonomi Baru kita. Pendekatan rancangan pembangunan kita ialah untuk menjadikan matlamat ini sebagai satu asas dan segala rancangan atau projek yang terkandung dalamnya adalah diselaraskan untuk mengujudkan peluang-peluang pekerjaan. Dengan itulah kita dapat mengatakan bahawa perkembangan pekerjaan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga akan mengurangkan pengangguran daripada 7.1% kepada 6.2%. Dengan itu juga kita telah dapat mengatakan bahawa keadaan tidak seimbang dalam sektor-sektor pekerjaan akan dapat dikurangkan sekian banyak. Dengan pendekatan pekerjaan, kita telah dapat mengemaskan dasar-dasar perindustrian kita, dan langkah-langkah bagi menggalakkan penubuhan projek-projek perindustrian dan lain-lain, menubuhkan dan memperbesar lagi pusat-pusat latihan pekerja-pekerja dalam kemahiran yang tertentu. Semua sektor dan agensi-agensi Kerajaan mempunyai tanggungjawab dan peranan masing-masing dalam mengujudkan punca-punca pendapatan rakyat dan pekerjaan yang lebih banyak. Usaha semua badan-badan ini adalah diselaraskan melalui Rancangan Pembangunan kita dan melalui cara-cara ko-ordinasi yang diamalkan pada masa ini. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk menyelaraskan segala agensi dari segi pekerjaan adalah satu yang "on-going" sejak beberapa tahun ini, dan kerana itulah kita telah dapat mencatatkan kejayaan yang memuaskan dalam usaha mengurangkan pengangguran.

Ahli Yang Berhormat dari Pagoh antara lain telah mencadangkan supaya ditubuhkan 'Institusi Latihan Perindustrian' bagi melatih lebih ramai Bumiputra dalam sektor pembinaan. Kerajaan memang sedar mengenai kekurangan tenaga kerja yang mahir bukan sahaja di kalangan Bumiputra akan tetapi juga lain-lain kaum di negara kita. Perkembangan ekonomi negara yang pesat sudah pasti memerlukan lebih ramai tenaga buruh yang ramai. Pada masa ini Kementerian saya mempunyai dua buah Instituti Latihan Perindustrian iaitu di Kuala Lumpur dan di Prai. Mengikut kemampuan yang ada sekarang kedua-dua instituti ini hanya mampu melatih kira-kira 850 orang pelatih dalam satu masa. Kemampuan ini jelas tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan tenaga mahir yang dikehendaki oleh negara kita. Oleh hal yang demikian itu, projek-projek untuk membesarkan kedua-dua Instituti Latihan Perindustrian ini sedang dijalankan dan dijangka akan siap menjelang akhir Rancangan Malaysia Ketiga. Rancangan pembesaran ini akan membolehkan kedua-dua instituti itu melatih kira-kira 1,061 orang pelatih dalam satu-satu masa. Di samping rancangan pembesaran untuk kedua-dua instituti yang ada itu, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat juga sedang membina tiga buah lagi Instituti Latihan Perindustrian yang baru yang akan ditempatkan di Kuala Trengganu, Johor Bahru dan Sabah. Ketiga-tiga Instituti latihan Perindustrian ini adalah dijangka siap menjelang akhir Rancangan Malaysia Ketiga. Adalah dijangka dengan siapnya rancangan-rancangan pembesaran yang dijalankan di kedua instituti yang sedia ada dan juga pembinaan instituti baru yang dinyatakan itu lebih kurang 2,931 orang pelatih akan dapat dilatih oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dalam satu-satu masa Kementerian ini berharap dengan adanya kemudahan-kemudahan ini maka sebahagian daripada keperluan tenaga rakyat yang diperlukan oleh negara kita akan dapat dipenuhi.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat dalam kegiatan Kementerian saya dan memberi beberapa pandangan yang membina.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, sila menyampaikan jawapannya.

3.57 ptg.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya bangun untuk menjawab teguran-teguran yang telahpun dikemukakan oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam perbincangan ini.

Sambil saya mengambil perhatian dan tindakan apa yang ditegurkan itu sudilah saya menjawab kepada teguran yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar. Ahli Yang Berhormat ini telahpun membuat perhatian atas mustahaknya Ketua-ketua Perwakilan Malaysia di seberang Laut menjalankan peranan yang lebih lancar lagi supaya menarik pelaburan asing ke Malaysia. Saya suka terangkan bahawa Ketua-ketua Perwakilan dan Pegawai-pegawai di Perwakilan-perwakilan Malaysia di luar negeri sentiasa berhubung rapat dengan semua badan-badan Kerajaan ketika bertugas di seberang laut. Dari semasa ke semasa mereka menghantarkan laporan-laporan mengenai semua perkara ekonomi termasuklah peluang-peluang bagi menarik pelaburan asing ke Malaysia untuk kajian Jabatan-jabatan berkenaan di negara kita. Ketua-ketua Perwakilan kita juga terlebih dahulu membuat persiapan yang lengkap iaitu prepare the ground work sebelum sesuatu rombongan itu mendarat di sesuatu negeri itu.

Dalam lawatan-lawatan pemimpin kita seperti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian, mereka sentiasa berjumpa dengan pelabur-pelabur asing. Perjumpaan-perjumpaan ini sangatlah memuaskan apa yang dikesankan masa ini, ini termasuklah juga Menteri-menteri kita yang lain kalau ada peluang berjumpa dengan pelabur-pelabur di luar negeri. Kejayaan ini dan keadaan memuaskan ini boleh dikatakan atas pandangan dan nasihat-nasihat dan kerjasama yang diberikan oleh Duta-duta kita di tempat-tempat yang berkenaan. Dan juga saya suka memaklumkan yakni Duta-duta kita

sendiri memberi syarahan-syarahan kepada pelabur-pelabur dan bankers untuk menjelaskan iklim pelaburan yang baik yang terdapat di negara kita.

Sekarang ini ada di dalam negara kita satu rombongan pelabur dari Amerika. Syarikat selepas daripada ASEAN—US Dialog menamakan rombongan OPIC (Overseas Private Investment Corporation) untuk melihat dengan sendirinya mengenai iklim yang baik ini. Saya yakin lawatan mereka itu sendiri akan menambahkan keyakinan mereka dapat peluang yang baik untuk melabur, khususnya bagi Malaysia dan amnya bagi negara-negara ASEAN. Sambil juga mereka di sini ambil peluang membincang dengan pengusaha-pengusaha tempatan (private entrepreneurs).

Ini sahaja saya rasa jawapan saya oleh sebab tidak ada banyak perkara yang berbangkit dengan Kementerian Luar Negeri dan apa yang saya tidak jawab saya akan mengambil perhatian dan tindakan dan saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas pandangan-pandangan dan teguran-teguran yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam masa perbahasan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am.

4.02 ptg.

Menteri Kebajikan Am (Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli yang Berhormat dalam Dewan ini yang telahpun memberikan teguran, pandangan dan syor-syor berkenaan dengan Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Kapit telah menyatakan ada pilih kasih dalam pemberian bantuan dalam kebakaran di Bau baru-baru ini kerana tiada bantuan apa-apa diberi oleh Kerajaan Pusat di waktu lepas. Beliau juga menyatakan bantuan itu patut diserahkan kepada Kerajaan Negeri, tidak kepada Jawatankuasa Pemulihan. Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan bahawa perkara kebajikan masyarakat adalah termasuk dalam senarai tanggungjawab bersama antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat

tetapi bantuan kepada mangsa-mangsa mala petaka di negeri-negeri adalah pula terpulang kepada Kerajaan Negeri untuk memberikannya. Sungguhpun begitu, di mana difikirkan perlu Kerajaan Pusat boleh menggunakan pertimbangannya sendiri dan boleh memberikan bantuan tambahan. Kebakaran yang berlaku di Bau, Sarawak itu merupakan satu kebakaran yang terbesar sekali yang pernah berlaku di Sarawak semenjak peperangan dunia yang kedua. Kebakaran itu melibatkan 69 buah rumah kedai dan lebih kurang 1,000 orang telah kehilangan harta benda yang bernilai lebih kurang \$10 juta. Oleh sebab itu Kerajaan Pusat telahpun memberikan bantuan. Oleh kerana satu Jawatankuasa Pemulihan bagi mangsa-mangsa kebakaran di Bau telah ditubuhkan maka bantuan itu telah diserahkan kepada Jawatankuasa tersebut untuk menyelenggarakan pembahagiannya.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar pula telah meminta Kerajaan menitikberatkan soal akhlak gadis dari kampung yang tinggal bersendirian atau di asrama-asrama di bandar bila bertugas di bandar-bandar besar. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan iaitu dari segi membantu gadis-gadis yang bekerja di kilang-kilang, Kementerian saya telahpun mengambil tindakan melalui dua cara. Yang pertama, Kementerian saya telah berhubung dengan Dewan Bandaraya yang telah memberi kerjasama memperuntukkan 30 yunit rumah pangsa di Jalan San Peng untuk 120 orang pekerja wanita.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Di samping itu, Kementerian saya telah juga menempatkan seorang pegawai Kebajikan Masyarakat untuk memberi bimbingan dan penasihat kepada penduduk-penduduk rumah pangsa tersebut, terutama sekali gadis-gadis yang bekerja di kilang-kilang supaya masalah penyesuaian diri dapat diatasi. Cara yang kedua ialah Kementerian saya telah juga merayu kepada masyarakat di Petaling Jaya, Shah Alam dan Datuk Keramat untuk memberi kerjasama bagi menawarkan tempat tinggal di rumah mereka kepada gadis-gadis kilang yang memerlukannya dengan bayaran yang menasabah. Dengan cara ini diharap bahawa

gadis-gadis kilang itu akan dapat tinggal dalam suasana yang agak terkawal.

Setakat ini Kementerian saya mempunyai tempat bagi sejumlah 300 orang gadis tetapi malangnya sehingga ini belum ada lagi diterima permohonan daripada mereka itu sungguhpun Kementerian saya telah sering kali membuat pengumuman berkenaan dengan perkara ini. Tindakan sedang juga diambil untuk memberitahu kilang-kilang yang mempunyai pekerja-pekerja wanita supaya menghubungi Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan dan Selangor jika ada di antara pekerja-pekerja wanita mereka yang memerlukan tempat tinggal.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar telah menyatakan bahawa peruntukan yang diberikan kepada perkhidmatan kebajikan masyarakat hanyalah menguntungkan sebilangan kecil masyarakat sahaja, terutamanya masyarakat bandar tetapi masyarakat luar bandar belum lagi merasainya, terutama sekali kaum Bumiputra. Tuan Yang di-Pertua, perlu saya menerangkan di sini iaitu tidaklah benar bahawa sebilangan kecil sahaja masyarakat yang telah menikmati perkhidmatan-perkhidmatan kebajikan masyarakat dan mereka yang di luar bandar, terutamanya Bumiputra belum lagi merasainya. Saya suka menegaskan di sini iaitu tujuan utama Kementerian saya ialah untuk cuba menolong orang-orang yang dalam kesusahan dan kekurangan. Untuk memenuhi tujuan ini hampir 80 buah pejabat kebajikan di daerah-daerah telah menjalankan perkhidmatan-perkhidmatan kerja kes (case work) dan penasihat (counselling) dan seterusnya menguruskan rancangan-rancangan bantuan bagi orang-orang yang didapati memerlukan. Oleh itu orang-orang di luar bandar yang perlu dibantu telahpun menerima rancangan-rancangan bantuan dari Kementerian saya.

Mengikut statistik Kementerian saya pada tahun 1976 sebanyak \$1,648,333 telah dibelanjakan untuk memberi bantuan kepada 8,401 keluarga. Pada tahun 1977 pula sejumlah \$2,296,481 telah dibelanjakan untuk membantu 10,236 keluarga dan bagi tahun 1978 pula sehingga bulan September, Kementerian saya telah membantu 12,034

keluarga dengan wang bantuan yang berjumlah \$3,450,450. Nyatalah di sini kepada kita bahawa bilangan yang mendapat bantuan makin lama semakin bertambah. Penerima-penerima bantuan ini termasuk kanak-kanak, balu-balu yang banyak mempunyai anak-anak, orang-orang tua, orang-orang cacat dan lain-lain lagi dari golongan yang dhaif dan ini tidaklah termasuk bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri. Selain daripada bantuan wang, kita juga memberikan bantuan nasihat, bimbingan yang tidak melibatkan wang ringgit.

Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah mencadangkan supaya peruntukan kepada badan atau agensi yang berkaitan memerangi masalah dadah ditambah dan beliau juga kemudian menyatakan bahawa peruntukan yang diberikan kepada Perkhidmatan Pemulihan Akhlak, Kementerian Kebajikan Am tidak mencukupi. Beliau juga menyatakan pusat-pusat pemulihan dadah di bawah Kementerian Kebajikan Am hanya dapat menampung 633 orang penghuni sahaja dan pusat-pusat ini perlu ditambah. Beliau kemudian mencadangkan supaya pusat-pusat pemulihan ini diadakan di pulau-pulau supaya penagih-penagih dadah terpisah dari masyarakat sekeliling seperti di Pulau Jerjak.

Tuan Yang di-Pertua, di sini suka saya menjelaskan iaitu peruntukan belanja mengurus pusat-pusat dadah ini telah bertambah dari tahun ke tahun. Tahun 1976 peruntukan sebanyak \$58,200; tahun 1977 sebanyak \$362,125; tahun 1978 sebanyak \$1,876,456 dan tahun 1979 yang akan datang ini sebanyak \$2,030,397. Kerajaan adalah memandang berat kepada masalah penyalahgunaan dadah dan telahpun meluluskan peruntukan berjumlah \$16,909,841 di bawah rancangan pembangunan Kementerian Kebajikan Am untuk membina dua buah pusat pemulihan dadah yang baru dan membesarkan dua buah lagi pusat pemulihan dadah yang ada sekarang. Apabila pusat-pusat pemulihan dadah ini siap, Kementerian ini akan mempunyai 6 buah pusat pemulihan dadah yang boleh memuatkan seramai 1,400 orang penghuni.

Berkenaan dengan syor beliau supaya penagih-penagih dadah ini diasingkan di pulau-pulau, ini mungkin satu syor yang ada

baiknya untuk sementara waktu tetapi Kementerian saya tidaklah pula yakin sepenuhnya cara begini sebagai satu cara yang terbaik kerana apabila telah tamat rawatan pemulihan penagih-penagih ini tidaklah boleh tinggal selamanya di pulau itu tetapi akan balik semula kepada pangkuan masyarakat. Selain daripada itu, mungkin akan timbul kerumitan berkenaan dengan pentadbiran, pengangkutan dan perbekalan jika penghuni-penghuni ini diasingkan di pulau-pulau seperti yang dicadangkan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau telah mencadangkan supaya pelepasan cukai untuk ibubapa diadakan. Beliau telah mengatakan dengan adanya pelepasan cukai ini maka kos untuk menyelenggarakan rumah-rumah Orang-orang Tua sebanyak \$3.9 juta dalam tahun 1978 dapat dikurangkan dan bilangan penghuni yang seramai 2,315 orang dalam tahun 1978 itu juga dapat dikurangkan.

Di sini sukalah saya menjelaskan iaitu berkenaan dengan pelepasan cukai yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, berkenaan dengan perbelanjaan Rumah Orang-orang Tua sebanyak \$3.9 juta dalam tahun 1978 itu dapat dikurangkan dan begitu juga penghuni yang seramai 2,315 orang itu dapat juga dikurangkan, maka di sini sukalah saya menjelaskan iaitu kebanyakan penghuni-penghuni yang ada di Rumah Orang-orang tua yang ada di dalam yaysan-yaysan Kementerian ini adalah berasal dari negeri China dan India yang telah datang ke negeri ini pada awal abad ini untuk bekerja dalam ladang-ladang getah dan juga di lombong-lombong bijih timah. Jadi, kebanyakan mereka ini tidak berkahwin dan tidak ada anak dan tidak ada saudara-mara. Oleh yang demikian, pelepasan cukai yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu pada pandangan Kementerian saya tidak akan mengurangkan perbelanjaan menampung Rumah Orang-orang Tua itu.

Hanya setakat itulah rasa saya perkara-perkara yang perlu saya jelaskan, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan memberi jawapan.

4.12 ptg.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kangar, Simunjan, Ulu Trengganu dan Kemaman yang telah menyentuh soal Belia Peladang ketika membahaskan Belanjawan yang sedang kita bentangkan dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, projek Belia Peladang telah dimulakan dalam tahun 1972 sebagai projek biasa dengan peruntukan sebanyak hanya \$250,000 sahaja bagi tahun itu. Mulai dari tahun 1976 projek ini telah diterima sebagai projek pembangunan dan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga dengan peruntukan sebanyak \$9.7 juta. Projek ini dilaksanakan menerusi Persatuan-persatuan Belia di seluruh tanahair. Pada masa ini terdapat sebanyak 1,224 projek yang disertai oleh seramai lebihkurang 9,000 orang belia. Projek ini dijalankan secara intergrated approach dengan agensi-agensinya berkenaan. Memang benar bahawa sebagai langkah sementara penyelia Belia peladang telah diambil untuk menyelia projek ini bagi membantu Pegawai-pegawai Kebudayaan, Belia dan Sukan Daerah dan Negeri. Mulai tahun 1979 akan datang ini seorang pegawai khas yang berjawatan tetap akan ditempatkan di tiap-tiap negeri bagi menguruskan projek ini. Di samping itu seorang pekerja sukarela dari Amerika telah ditempatkan di tiap-tiap negeri untuk membantu dalam projek ini juga.

Mengenai alatan, Kementerian ini sentiasa membekalkan berbagai-bagai jenis alat untuk projek ini dari masa ke semasa mengikut keperluan dan kemampuan kewangan. Kementerian ini sedang berunding dengan sebuah syarikat untuk membekalkan trektor ke semua negeri untuk projek ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pandangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Semerah berkait dengan Yunit Perubatan dan Penyelidikan Kesihatan di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang beliau mencadangkan supaya perubatan dari air madu lebah diberikan kepada ahli-ahli sukan kita. Saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat itu, memang madu lebah kalau

dicampur dengan telur ayam mentah dari telur ayam kampung, memang sangat baik bagi lelaki. Apa yang saya bimbangkan yang pertamanya madu lebah tidak cukup dan yang kedua, kalau diberikan terlalu banyak kepada peserta lelaki, mungkin dia terlebih ganas dari biasa. Tetapi bagaimanapun kalau Yang Berhormat itu dapat memberikan supply madu lebah kepada Kementerian ini, saya sedia menerima dan membeli harga mahal sedikitpun bolehlah. Bagaimanapun Kementerian ini ada pakar-pakar perubatan yang khusus mengenai dengan ahli-ahli sukan kita yang bertanding di mana-mana juga terutama sekali yang akan pergi ke Bangkok ini.

Selain dari itu, Tuan Yang di-Pertua, wakil dari Batang Padang menyebutkan soal pakaian kembangan yang dipakai oleh penari-penari kita. Sebenarnya penari-penari kita ini bukanlah semuanya memakai baju kembangan, tetapi hanya dalam satu jenis tarian yang tarian ini diambil daripada negeri Kelantan dan disesuaikan dengan pakaian tradisi yang sewaktu raja Kelantan yang bernama Cik Siti Wan Kembang dahulu, tetapi dalam pakaian berkembangan ini bukan keseluruhannya terbuka dadanya, tetapi ditutup juga dengan baju atau kain yang agak halus, tetapi kalau dipandang dari jauh memang rupanya tidak bertutup. Jadi, bagaimanapun hal ini dalam perhatian dan kalau sekiranya tarian-tarian yang demikian merupakan menjadi bantahan umum, Kementerian sedia memikirkan supaya tidak lagi dipakai baju yang sedemikian itu di khalayak ramai.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal pandangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Sepang yang ada menyebutkan berhubung dengan sukan dan ahli sukan negara kita ini dan juga dalam beberapa hal ternyata beberapa kelemahan dalam pertandingan sukan kita yang dipertandingkan di luar negeri mahupun dalam negeri, memang sudah menjadi dasar umum bahawa sukan adalah untuk negara. Di samping itu kita menghormati ahli-ahli sukan sebagai ahli amateur. Dengan itu mereka berhak juga memilih samada menyertai atau tidak dalam satu-satu kejohanan.

Saya tidak tahu dari mana Yang Berhormat itu mendapat maklumat yang

menyatakan bahawa ahli-ahli sukan kita yang akan dihantar bertanding di Asean Games di Bangkok ini terdiri dari pasukan kedua. Sebenarnya ini tidaklah benar dan tidak betul sama-sekali, malah pada masa ini Kementerian yang bertanggungjawab penuh dalam latihan kepada ahli-ahli sukan ini sedang mengadakan latihan-latihan pusat di beberapa pusat latihan di negeri kita ini dan Kerajaan pasti akan menghantar pasukan kita ini adalah terdiri dari johan-johan dan pasukan yang kuat dalam tanahair kita. Tetapi soal kalah menang tidaklah dapat saya pastikan sekarang ini kerana kita belum lagi bertanding. Bagaimanapun dalam beberapa hal kita akan dapat mengondol pingat-pingat emas, perak ataupun tembaga.

Berhubung dengan ganti rugi pendapatan kepada ahli sukan adalah satu perkara yang besar dan pada masa ini Kerajaan belum lagi dapat memberikan pendapatan yang secukupnya kepada ahli sukan yang terpaksa mengambil cuti tidak bergaji daripada pihak swasta. Ini adalah satu perkara yang besar dan berkehendakkan bantuan wang yang agak banyak daripada Kerajaan sendiri. Apa yang menjadi hal kita sekarang ini kelemahan-kelemahan kita ialah tidak seperti di negara lain dalam kegiatan sukan ini, seumpama negeri Jepun misalnya, bukannya Kerajaan sahaja yang mengeluarkan wang 100% tetapi juga pihak swasta atau daripada pihak orang-orang kaya dan daripada pihak firma-firma yang banyak wang bagi membantu melatih ahli-ahli sukan kita. Tetapi negara kita ini pada masa sekarang tidak dapat dielakkan lagi hanya Kerajaan sahaja yang memberikan bantuan dan Kerajaan bukan sahaja memandang soal sukan tetapi juga memandang banyak faktor-faktor lain seperti dalam pembangunan negara kita di masa ini. Walau bagaimanapun Kementerian sedar hal ini dan sedang memikirkan sesuatu yang boleh dapat kita cari jalan bagaimana pasukan kita yang mengadakan latihan pusat ini dapat diberikan peruntukan-peruntukan yang cukup dan membayar gaji mereka daripada kehilangan kerana sebab tidak dibayar gaji oleh pihak majikan.

Kementerian saya memang bersetuju dengan apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat itu bahawa kekurangan kemudahan-kemudahan sukan untuk ahli-ahli sukan, ini adalah didapati benar dan

seperti yang saya katakan tadi semuanya ini adalah berkehendakkan wang yang banyak dan kita belum mampu lagi mengadakan alat-alat yang cukup baik di dalam bandar, lebih-lebih lagi di luar bandar.

Saya akan mengemukakan satu Akta peruntukan tambahan dan pindaan dalam Dewan ini dan kita harap akan dapat dibentangkan dalam masa persidangan sekarang ini berhubung dengan Majlis Sukan Negara. Akta Majlis Sukan Negara ini banyak kelemahan-kelemahan yang sepatutnya diperbaiki terutama sekali Majlis ini tidak berkuasa samasekali mengutip derma daripada pihak swasta dan orang perseorangan yang hendak mengutip derma. Jadi saya akan kemukakan pindaan ini seperti yang saya terangkan dalam Dewan ini yang sedang bersidang sekarang ini dan diharapkan kuatkuasanya akan dapat dijalankan pada awal tahun hadapan. Bagaimanapun Majlis Sukan Negara sekarang ini berjalan di peringkat Negeri dan peringkat Daerah tetapi tidaklah bermakna Majlis Sukan Negara tidak berjalan yang sukan kita ataupun latihan sukan tidak diambil perhatian, malahan kegiatan-kegiatan sukan kita walaupun dalam beberapa pertandingan nampak merosot tetapi dalam hal-hal sukan yang lain kita adalah bertambah baik.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun memberikan pandangan-pandangan kepada Kementerian ini dan saya sedang mengambil perhatian dalam beberapa hal terutama sekali dalam bidang belia, sukan dan kebudayaan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Menteri Penerangan.

4.21 ptg.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh tentang pelaksanaan dasar-dasar penting Kerajaan, liputan rancangan-rancangan, terutama oleh Radio dan TV Malaysia, serta kandungan rancangan-rancangan itu di dalam perbincangan belanjawan ini. Ada di

antara perkara-perkara yang disentuh itu telahpun saya jawab dalam Dewan ini pada 19hb Oktober, 1978 yang lalu dan jawapan itu saya rujukkan.

Saya suka mengambil kesempatan ini untuk membuat serba sedikit ulasan tentang beberapa perkara lain yang telah dibangkitkan terutama mengenai dasar-dasar penting negara. Dalam soal ini ucapan Ahli Yang Berhormat dari Damansara yang mengulas rancangan-rancangan serta membuat syor terhadap rangkaian-rangkaian Radio dan Talivisyen Malaysia sebenarnya telah secara tidak langsung mengaitkan dasar-dasar penting Kerajaan, terutama dasar-dasar mengenai Bahasa Malaysia dan Kebudayaan Kebangsaan.

Semenjak hari kemerdekaan dahulu negara kita telah memilih cara hidup demokrasi berparlimen dan menggunakan bahasa pengantar serta asas-asas kebudayaan yang boleh mengwujudkan sebuah masyarakat Malaysia yang maju dan bersatu padu dengan memberi pertimbangan yang amat rapi kepada unsur-unsur dan aspirasi penduduk-penduduk berbilang kaum yang menjadi rakyat negara ini. Kita telah menetapkan bahawa masyarakat Malaysia yang diidamkan itu ialah sebuah masyarakat yang mempunyai di antara lain-lain sikap toleransi, bertanggungjawab serta mendukung kuat prinsip-prinsip Rukunegara. Demi untuk mencapai matlamat masyarakat seperti itu Kerajaan menggunakan beberapa kaedah dan melaksanakan rancangan-rancangan yang memberi keutamaan kepada penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa penghantar, di samping menggunakan juga bahasa-bahasa lain yang tertentu menurut keadaan dan masa seperti dalam peristiwa-peristiwa penting dan jua di dalam darurat. Dari segi kebudayaan pula ciri-ciri penting kebudayaan yang terdapat di rantau ini dijadikan asas pembentukan Kebudayaan Kebangsaan.

Sebagai yang telah saya huraikan pada 19.10.78 yang lalu di dalam Dewan yang mulia ini, Kementerian Penerangan diberi tugas untuk membantu Kerajaan mencapai tujuantujuan yang terkandung di dalam dasar-dasar penting negara bagi mengwujudkan masyarakat Malaysia seperti yang saya sebutkan tadi. Segala rancangan Kementerian ini mahupun yang dilaksanakan oleh Jabatan

Penerangan ataupun menerusi Radio dan TV Malaysia serta filem-filem yang diterbitkan oleh Filem Negara Malaysia, adalah disusun bagi mencapai matlamat ini. Walaupun rancangan-rancangan itu perlu mengandungi bahan-bahan untuk menghibur dan menyampaikan maklumat, tugas besar di sebalik rancangan-rancangan itu ialah mewujudkan kesedaran dan memupuk semangat tanggungjawab di kalangan rakyat tidak kira apa keturunan mereka, supaya berganding bahu dengan pihak Kerajaan bagi menayakan pembentukan masyarakat Malaysia yang bersatu padu itu.

Dalam proses pembentukan masyarakat yang bersatu padu ini Malaysia akan terus mengalami satu proses asimilasi antara penduduk-penduduk berbilang kaum, berlainan ugama, bahasa dan corak kebudayaannya. Proses ini akan pasti memakan masa dan rakyat akan menempuh berbagai-bagai cabaran dan pengalaman. Selain daripada pentingnya mereka memahami bahawa proses peralihan itu akan mengambil masa, sebagai yang telah dibayangkan di dalam dasar-dasar penting negara, penduduk negara ini perlu digesa supaya mengamalkan sikap toleransi dan sanggup berjuang untuk meruntuhkan tembok-tembok yang memisahkan mereka daripada bersatu padu. Mereka juga digesa untuk mengenyahkan fahaman sempit terhadap kepentingan persendirian, kepentingan suku kaum atau kelompok dan bersedia untuk menayakan masyarakat yang dicita-citakan itu.

Di sini saya perlu menolak sangkaan Ahli Yang Berhormat dari Damansara bahawa TV Malaysia tidak memberikan perhatian yang cukup ke atas kepentingan penonton-penonton daripada keturunan China dan India dalam rancangan-rancangannya. Sebaliknya saya suka menegaskan bahawa segala langkah yang diambil oleh Kerajaan samada menerusi rancangan-rancangan RTM, mahupun oleh lain-lain agensi Kerajaan, adalah digubal supaya mencapai tujuan nasional yang boleh dibanggakan oleh semua rakyat, iaitu mereka yang mempunyai keyakinan bahawa hanya dengan terbentuknya sebuah masyarakat yang bersatu padu, bahawa masa depan bangsa dan negara akan lebih terjamin.

Berpaling kepada rancangan-rancangan RTM pula sebagai apa yang dapat dilihat di TV ataupun yang didengar di Radio rancangan-rancangan itu adalah berasaskan kepada penggunaan pengalaman-pengalaman dan kepakaran-kepakaran yang telah lama terkumpul. Perancangan dan perlaksanaannya adalah menggunakan kaedah-kaedah yang saintifik dan berpandukan kepada dasar-dasar yang telah saya sebutkan tadi. Sayugia diingatkan bahawa siaran radio dan TV Malaysia telah lama wujud di negara ini. TV Malaysia umpamanya telah wujud semenjak lebih 14 tahun dahulu dan rancangan-rancangannya adalah digubal setelah dijalankan penyelidikan-penyelidikan sepanjang masa, iaitu penyelidikan-penyelidikan yang memberi makluman-balas kepada Kementerian ini bagi mengetahui hasrat pengguna-pengguna TV dan radio terhadap perkara yang digemari atau yang tidak digemari oleh mereka dan bagaimana sikap-sikap itu harus dilayani menurut keperluan dan aspirasi negara.

Antara kaedah-kaedah yang digunakan oleh Kementerian ini adalah melalui penyelidikan yang berikut: (a) "Ratings Survey" dengan kerjasama Survey Research Malaysia atau SRM, (b) "Opinion Survey" yang dilaksanakan menerusi Jabatan Penerangan, (c) "Panel Survey" yang dijalankan melalui perkhidmatan pos dan melibatkan beberapa pengguna TV yang berkhidmat sebagai Panel TV dan juga (d) mendapatkan kerjasama daripada lain-lain Jabatan seperti Jabatan Perangkaan bagi memperolehi maklumat-maklumat yang berfaedah kepada Kementerian ini di dalam menyusun rancangan-rancangannya dari semasa ke semasa.

Berlandaskan kepada pengalaman, kepakaran dan penyelidikan yang telah saya nyatakan tadi pihak RTM telah menggubal rancangan-rancangan TVnya menurut rangkaian atau "network" sebagai sekarang ini dengan menjadikan Rangkaian Pertama sebagai Rangkaian Nasional manakala rangkaian yang lain, iaitu Rangkaian Kedua bagi Semenanjung Malaysia dan Rangkaian Ketiga bagi Sabah dan Sarawak, untuk memenuhi tujuan menghubungi rakyat demi meningkatkan

pengetahuan dan perasaan tanggungjawab mereka terhadap negara. Dalam pada itu Kementerian ini ada rancangan bagi menyerasakan rangkaian-rangkaian Kedua dan Ketiga untuk menentukan bahawa kedua-dua rangkaian ini akan dapat memainkan peranan yang lebih bermakna di dalam membantu bagi mencapainya matlamat negara sambil memenuhi kehendak para penonton.

Mengenai rancangan-rancangan Radio dan TV, saya akui bahawa walau bagaimana teliti pun penyelidikan dilaksanakan, bagaimana cermatnya rancangan-rancangan disusun dan dilaksanakan agar selaras dengan aliran zaman serta perkembangan semasa dalam bidang ekonomi, sosial, politik dan kebudayaan, namun begitu, pasti ada sesuatu di dalam rancangan-rancangan itu yang tidak mungkin dapat memenuhi hasrat yang dianggap oleh sesuatu golongan penduduk sebagai penting kepadanya, terutama jika hasrat itu bercanggah dengan aspirasi negara. Demikian jugalah keadaannya jika disebalik hasrat itu ada terkandung cita-cita yang tidak sihat yang bertujuan untuk mengekalkan, dan bukan untuk merobohkan tembok-tembok pemisah antara rakyat berbilang kaum. Lebih-lebih lagi jika disebalik cita-cita itu ada niat jahat untuk membina tembok-tembok pemisah yang baharu terutama di kalangan mereka yang sangat gemar rakyat terus berpecah belah bagi memudahkan mereka mengambil kesempatan tanpa menghiraukan padah dan kerugian yang boleh tertimpa ke atas bangsa dan negara.

Oleh sebab perkembangan rancangan-rancangan pembangunan Kerajaan dalam bidang penyiaran kini belum lagi mencapai peringkat yang boleh dikatakan sesuai untuk mengatasi masalah komunikasi yang disebabkan oleh jurang fizikal antara kawasan-kawasan dan jurang sosio-budaya antara penduduk-penduduk yang berbilang kaum di negara ini, maka, pada kaca-mata umum, ternampak seolah-olah khidmat siaran RTM, khususnya TV Malaysia, sebagai tidak diselenggarakan dan tidak memberi layanan yang saksama kepada hasrat pengguna-pengguna TV yang berbilang kaum dan bertaburan di seluruh Malaysia. Ucapan-ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kangar, Sarikei dan Kapit mengandungi

gambaran kenyataan bahawa keadaan seperti ini ada berlaku dan saya akui bahawa ulasan-ulasan mereka itu adalah tepat. Dalam pada itu saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan dapat memahami penjelasan saya ini serta dapat membantu untuk menerangkannya kepada rakyat jelata yang mungkin belum dapat memahami keadaan ini dengan sepenuhnya.

Oleh kerana, sebagai yang kita sedia maklum usaha-usaha telah dan sedang dijalankan bagi mengatasi masalah-masalah yang telah berbangkit itu terutama kerana kesan-kesan sejarah. Banyak rancangan-rancangan pembangunan negara yang dilaksanakan itu bukan sahaja merupakan projek-projek ekonomi tetapi juga bertujuan untuk mengatasi jurang komunikasi dan integrasi antara penduduk-penduduk dan juga di antara kawasan-kawasan, terutama antara Semenanjung dengan negeri-negeri Sabah dan Sarawak. Dalam ucapan saya di Dewan yang mulia ini pada 19-10-78 yang lalu saya telah menyatakan bahawa jurang-jurang yang masih perlu kita atasi adalah termasuk perkara-perkara yang berikut:

Pertamanya, rancangan-rancangan TV tidak dapat memenuhi selera tiap-tiap penonton, lebih-lebih lagi kerana penduduk-penduduk Malaysia yang menonton TV Malaysia adalah berbilang kaum dan mempunyai aspirasi masing-masing yang kadangkala tidak sama dengan aspirasi negara. Keduanya, ada kawasan-kawasan, terutama di Sarawak yang belum lagi menerima siaran-siaran TV Malaysia dan usaha untuk memenuhi kehendak siaran meliputi kawasan-kawasan itu pasti mengambil masa.

Ketiganya ialah soal perimbangan di antara rancangan yang disiarkan dan liputan siaran di Semenanjung Malaysia dengan siaran bagi negeri Sabah dan Sarawak yang perlu diselaraskan.

Mengenai filem-filem yang ditayangkan di TV Malaysia sebagai yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar, saya suka menerangkan bahawa filem-filem itu sebelum tayangannya telah ditapis terlebih dahulu oleh Lembaga Penapis Filem. Kementerian ini juga ada membuat peraturan supaya filem-filem yang diterima daripada semua sumber yang

dianggap bercorak khayalan ataupun yang mengajar cara-cara mengganas dan kejahatan adalah diketepikan. Dalam pada itu filem-filem yang dianggap terlalu mengandungi unsur-unsur khayalan atau keganasan tidak langsung disiarkan oleh TV Malaysia. Memanglah menjadi tujuan RTM untuk menyiarkan filem-filem yang lebih baik dan boleh mendatangkan faedah kepada penonton-penonton dari segi memperbaiki akhlak dan menanamkan perasaan sivik di kalangan mereka. Sebagai Ahli Yang Berhormat itu sedia maklum tujuan ini kadangkala adalah terbatas oleh kerana kurangnya bekalan filem-filem yang sesuai

Demikianlah juga halnya mengenai penapisan filem-filem iklan sebagai yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang. Filem-filem iklan yang disiarkan oleh pihak RTM adalah ditapis terlebih dahulu oleh Lembaga Penapis Filem dan selepas itu disemak sekali lagi oleh sebuah Jawatankuasa di Kementerian ini supaya tidak terdapat unsur-unsur yang boleh merosakkan akhlak penonton-penonton. Langkah-langkah juga diambil supaya filem-filem yang ditayangkan di TV Malaysia dan oleh Jabatan Penerangan tidak mengancam nilai-nilai kebudayaan dan identiti Malaysia, lebih-lebih bagi perkara-perkara yang menyentuh kesucian ugama Islam. Sepanjang yang saya ketahui tidak ada iklan-iklan yang ditayangkan oleh TV Malaysia yang mengandungi gambar-gambar lucah. Saya tidak tahu yang mana mengikut takrif Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang sebagai lucah. Akan tetapi sekiranya Ahli Yang Berhormat itu dapat menyampaikan pada saya perkara yang dianggapnya lucah itu, saya bersedia untuk mengkajinya dan mengambil tindakan jika perlu. Kerana masalah lucah ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja dari segi pandangan mata, dari segi pendengaran telinga pun boleh dianggap lucah. Apatah lagi daripada sebutan dan mungkin ada perkara yang pada pandangan lelaki itu lucah tetapi pada pandangan pihak yang lain tidak lucah dan sebaliknya. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran pun bersetuju dengan hal ini. Saya harap Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang akan dapat menyatakan kepada saya di manakah letaknya kelucahan itu agar masalah ini tidak berlanjutan dan

tidak akan pula dapat mempengaruhi penonton-penonton yang menonton rancangan-rancangan TV.

Mengenai rancangan-rancangan yang bercorak Islam kalau kita teliti banyak perubahan-perubahan telah dapat dijalankan oleh RTM dan perubahan-perubahan itu telah pun mendatangkan kepuasan kepada penonton-penonton walaupun saya akui masih ada lagi perbaikan yang boleh kita lakukan. Mengenai rancangan Berita dan Peristiwa untuk Sabah dan Sarawak, saya akui perbaikan-perbaikan boleh dibuat untuk menentukan bahawa liputan Berita dan Peristiwa yang berlaku di kedua-ke dua negeri itu dapat disiarkan dengan lebih memuaskan lagi. Untuk itu usaha-usaha untuk menambahkan lagi bahan-bahan supaya dimuatkan di dalam Berita dan Peristiwa yang menyentuh kedua-dua negeri itu sedang diambil tindakan oleh Kementerian ini. Sambil itu RTM telah berjaya menambahkan lagi bahan-bahan tempatan di dalam rancangan-rancangannya. Setakat ini 55% daripada rancangan-rancangan yang disiarkan oleh RTM adalah rancangan-rancangan tempatan dan hanya 45% sahaja rancangan-rancangan itu yang bercorak asing. Matlamat akhir RTM ialah menyiarkan 60% rancangan tempatan dan hanya 40% rancangan-rancangan asing. Maka oleh itu tidaklah benar kalau ada pihak yang mengatakan khususnya Ahli Yang Berhormat dari Kangar bahawa RTM hanya mengutamakan rancangan-rancangan asing khususnya rancangan-rancangan daripada barat di dalam rancangan-rancangannya. Mungkin Ahli Yang Berhormat itu menonton televisyen selepas pukul 10.00 malam dan biasanya selepas pukul 10.00 malam maka banyak terdapat siaran daripada luar, siaran yang bahannya datang dari luar. Kalau Ahli Yang Berhormat itu dapat menonton televisyen lebih awal sedikit, maka akan nampaklah perbezaannya dan akan nampaklah pula di mana beratnya kandungan daripada siaran-siaran yang disiarkan oleh Televisyen Malaysia.

Menyentuh ucapan Ahli Yang Berhormat dari Labuk Sugut saya memang sedar bahawa radio adalah menjadi alat sebaran pengetahuan dan hiburan yang amat penting; terutama bagi rakyat di luarbandar dan juga mereka yang berpendapatan rendah. Kadar lesen bagi radio sekarang ini adalah dianggap

rendah jika dibandingkan dengan keadaan di sebahagian daripada negara-negara di rantau ini. Namun begitu Kerajaan mempunyai cadangan bagi mengurangkan lagi bayaran lesen untuk setengah-setengah jenis radio agar rakyat yang berpendapatan rendah dapat menikmati siaran-siaran radio tanpa memikul beban pembayaran yang tinggi. Untuk itu kadar bayaran lesen bagi radio bimbit atau portable radio yang mempunyai satu gelombang akan dikaji semula dan keputusan mengenai perkara ini akan diumumkan kelak.

Kementerian ini juga telah memulakan usaha bagi meninggikan pengetahuan dan kecekapan anggotanya dan satu rancangan yang menyeluruh untuk memberi latihan kepada anggota-anggota Kementerian ini telahpun disusun yang akan juga termasuk mengemaskinikan cara-cara dan kemahiran selaras dengan perkembangan masa dan teknologi moden.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan ulasan mereka tentang kegiatan Kementerian ini dan mana-mana perkara yang tidak saya sentuh dalam jawapan ini akan kita ambil perhatian dan di mana-mana dirasakan perlu akan dilaksanakan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam.

4.43 ptg.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi ulasan dan pandangan dan juga cadangan-cadangan berkenaan dengan Kementerian saya.

Ahli yang berhormat dari Pagoh telah menimbulkan perkara-perkara berkaitan dengan pemborong-pemborong bumiputra. Antara lain beliau telah menimbulkan soal kekurangan ilmu pengetahuan berkenaan pembinaan oleh pemborong-pemborong bumiputra. Beliau telah mencadangkan

supaya Kerajaan menubuhkan satu institusi pusat pembinaan bagi melatih pemborong-pemborong bumiputra dalam lapangan ilmu pengetahuan pembinaan yang sangat penting.

Sukacita saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa langkah-langkah tertentu telah dan sedang diambil oleh Kementerian saya untuk memberikan bimbingan dan pengajaran tentang ilmu pengetahuan pembinaan kepada pemborong-pemborong bumiputra. Satu rancangan kursus telah dilancarkan oleh Yunit Penyertaan Bumiputra di Kementerian saya yang mana sudah dimulakan pada awal tahun ini sehingga sekarang. Sebanyak 11 kursus telah diadakan di seluruh Semenanjung Malaysia yang telah dihadiri oleh seramai 319 orang pemborong-pemborong bumiputra. Pada masa sekarang 2 kursus lagi sedang diadakan di Ipoh, Perak, dan di Kangar, Perlis. Dua kursus lagi akan diadakan di negeri Sabah dan Sarawak pada awal dan akhir bulan November tahun ini juga. Kursus ini adalah merupakan kursus sepenuh masa dalam mana para peserta dikehendaki tinggal dan belajar di tempat kursus selama lebih kurang satu bulan. Tiga mata pelajaran penting diajar iaitu pertamanya, memahami lukisan pelan dan lukisan-likisan teknik; kedua, membuat anggaran kerja dan ketiga memahami syarat-syarat dan peraturan kontrak. Adalah diharap melalui rancangan kursus ini pemborong-pemborong bumiputra akan dapat membaiki lagi taraf dan mutu kerja mereka. Buat masa ini Kerajaan belum bercadang menubuhkan satu institusi pusat pembinaan, sebagaimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu telah menggesa supaya peluang-peluang kerja pembinaan diberikan kepada penduduk-penduduk tempatan di mana projek-projek tersebut dijalankan. Dalam hubungan ini Ahli Yang Berhormat itu telah menggesa supaya Kerajaan memastikan bahawa pemborong-pemborong bagi projek-projek besar yang biasanya diberi kepada pemborong-pemborong daripada luar negeri memberikan 'sub-contract' kepada pemborong-pemborong tempatan dan memberi peluang kerja yang lebih besar kepada penduduk-penduduk tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu di dalam semua kontrak, pemborong-pemborong antarabangsa adalah dikehendaki menggunakan seberapa banyak yang boleh tenaga pekerja-pekerja tempatan dalam negeri. Mereka tidak dibenarkan menggunakan pekerja-pekerja luar daripada pekerja-pekerja tempatan yang mempunyai kelayakan dan pengalaman yang setanding boleh didapati. Oleh itu pada kebiasaannya di mana pakar-pakar tempatan bagi sesuatu kerja itu didapati pemborong-pemborong antarabangsa biasanya menggunakan mereka ini sebagai 'sub-contractor'.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas dan Panti pula telah menyentuh berkenaan dengan kekurangan kakitangan teknik seperti jurutera-jurutera dan juruteknik-juruteknik di daerah-daerah tertentu dan menggesa pihak Kerajaan mengatasi masalah kekurangan tersebut.

Perlu dimaklumkan bahawa Kerajaan memang berusaha untuk mengatasi masalah kekurangan kakitangan terutama kakitangan-kakitangan teknik supaya sejajar dengan projek-projek pembinaan yang dirancang bagi satu kawasan atau daerah. Selain daripada mengambil kakitangan-kakitangan yang baru tindakan juga telah diambil untuk mengambil jurutera-jurutera yang berpengalaman dari luar negeri secara kontrak, sebagai langkah mengatasi masalah-masalah ini. Walau bagaimanapun, jurutera-jurutera dan kakitangan-kakitangan teknik yang lain di peringkat daerah adalah jawatan-jawatan negeri dan Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab menentukan bilangannya dan keperluan tambahan dari masa ke semasa.

Ahli Yang Berhormat dari Panti juga telah menegur soal pembayaran 'overtime' di mana setengah-setengah dari kakitangan rendah di Jabatan Kerjaya di dalam kawasannya didapati mengambil kesempatan untuk mendapatkan bayaran lebih masa dengan cara melengah-lengahkan kerja mereka.

Kementerian saya akan mengambil ingatan di atas teguran Ahli Yang Berhormat itu dan tindakan akan diambil jika sekiranya benar aduan tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah menyentuh tentang kekurangan

bekalan air di kawasan Petaling Jaya dan Kuala Lumpur dan mencadangkan supaya kajian dijalankan bagi memberi sumber-sumber tambahan yang lebih baik dengan segera.

Sebagaimana yang telah diberitahu di dalam Dewan yang mulia ini pada 3hb November, 1978 yang lalu ketika Soal Jawab Mulut, Dewan ini telah diberitahu bahawa langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang telah dan sedang diambil oleh Kementerian saya untuk memperbaiki keadaan bekalan air di dalam kawasan Lembah Kelang dan di seluruh Negara amnya. Oleh kerana butir-butir mengenai tindakan-tindakan tersebut telahpun dinyatakan saya tidak berhajat hendak mengulangi lagi pada kali ini.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu menegur soal pembekalan air yang mana telah diperolehi dengan cara menggali perigi yang mana telah memakan belanja yang banyak dan kerap kali jentera-jentera pengemam air rosak. Beliau telah mengesyorkan supaya bekalan air diambil daripada sungai berdekatan yang mana lebih mudah.

Syor Ahli Yang Berhormat itu adalah diambil perhatian dan jika sesuai akan dilaksanakan.

Ahli Yang Berhormat dari Panti dan dari Tumpat telah membangkitkan soal berkenaan paip-paip air di dalam projek FELDA dan Ahli Yang Berhormat dari Tumpat membangkitkan soal bekalan air luarbandar di negeri Kelantan. Kedua-dua soalan ini Kementerian akan ambil perhatian dan akan memberi pertimbangan yang wajar.

Ahli-ahli yang Berhormat dari Sarikei, Bukit Mas dan Ulu Rejang telah menggesa Kerajaan mengadakan peruntukan yang lebih besar dan mempercepatkan pembinaan jalan-jalan bagi kemudahan penduduk-penduduk luarbandar.

Kerajaan sememangnya mengambil perhatian yang berat terhadap pembinaan-pembinaan jalan-jalanraya di luarbandar. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga sebanyak \$32.9 juta telah disediakan untuk jalan-jalan pembangunan bagi negeri Sarawak dan bagi tahun 1979 sebanyak \$7.38 juta telah diminta untuk pembinaan jalan-jalan tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda telah menggesa supaya Kementerian saya mengambil perhatian apabila memperbaiki jalanraya di mana tanda-tanda jalan hendaklah diadakan secukupnya supaya kemalangan jalanraya dapat dielakkan. Kementerian saya akan mengambil perhatian ke atas syor tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Lubuk Antu telah membangkitkan tentang kemudahan jalanraya di Sarawak yang dikatakan masih jauh ketinggalan dari segi kualiti dan kuantiti jika dibandingkan dengan tempat-tempat lain di Malaysia. Sebagai contoh, beliau telah menyentuh tentang Jalan Simanggang/Sibu yang berlubang-lubang dan berdebu, beliau telah menggesa supaya jalan itu dibaiki dan juga beliau meminta supaya dibina banyak lagi jalan-jalanraya ke rumah-rumah panjang di Sarawak.

Mengenai jalanraya Simanggang/Sibu, perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah diambil perhatian untuk tindakan. Dalam pada itu saya suka menyatakan bahawa Jabatan Kerjaraya, Sarawak, adalah mengambil tindakan untuk menyelenggarakan jalan-jalanraya di Sarawak dari masa ke semasa. Mengenai pembinaan jalan-jalan ke rumah-rumah panjang, ini telah saya sentuh dalam jawapan saya kepada ahli-ahli Yang Berhormat dari Sarikei, Bukit Mas dan Ulu Rejang tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar pula telah membangkitkan perkara mengenai kemudahan-kemudahan yang terdapat di luar-luarbandar yang dikatakan tidak lengkap dan sempurna. Antara contoh-contoh yang diberi ialah kemudahan jalanraya di luar-luarbandar yang merupakan hanya jalan tanah merah.

Teguran Ahli Yang Berhormat itu adalah secara am sahaja tetapi saya suka menarik perhatian Ahli Yang Berhormat bahawa di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, Kerajaan telah mengadakan peruntukan yang banyak untuk membina jalan-jalan luarbandar.

Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri telah menyentuh mengenai kegagalan pemborong-pemborong bumiputra di Kelantan. Beliau mencadangkan supaya pemborong-pemborong Bumiputra diberi peluang untuk

berunding mengenai harga sesuatu kerja atau projek.

Peraturan yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak mengikut sistem pengeluaran tender. Tetapi seperti saya nyatakan dalam jawapan kepada Ahli Yang Berhormat dari Pagoh, Kementerian saya adalah sedang mengadakan kursus untuk melatih pemborong-pemborong Bumiputra dalam ilmu pengetahuan pembinaan dan diharap dengan latihan yang diberi kepada pemborong-pemborong Bumiputra akan dapat menender projek-projek dengan secara lebih realistik lagi.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sekalai lagi mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada cadangan-cadangan yang dibawa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

5.00 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menjawab ulasan-ulasan dan pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang mana ketika membahaskan Belanjawan telahpun menyentuh beberapa perkara di bawah Potfolio Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar di bawah jagaan saya.

Di sini juga ingin saya mengucapkan terima kasih di atas perhatian yang telah ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai aktiviti-aktiviti Kementerian saya. Sukalah saya memberi jaminan iaitu cadangan dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang membina akan saya ambil ingatan dan seterusnya mengambil tindakan yang sesuai dan menasabah.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab perkara-perkara yang telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Grik, iaitu mengenai penglibatan Instituit Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM), maka saya ingin menjelaskan perkara-perkara tersebut seperti berikut:

(a) Mengenai cadangan supaya kerajaan menubuhkan 'Manufacturers Export

House' seperti yang terdapat di Korea untuk menentukan keluaran Malaysia bermutu tinggi—adalah difahamkan bahawa amalan seperti ini juga diadakan di lain-lain negara Asia seperti Philippina, India dan Jepun, di mana penempatan undang-undang dibuat ke atas sebahagian daripada barangan-barangan eksport. SIRIM berpendapat bahawa penubuhan kemudahan-kemudahan eksport untuk memastikan yang barangan buatan Malaysia sentiasa mempunyai mutu yang tinggi dan setanding dengan barangan-barangan dunia adalah sewajar dan kena pada tempatnya. Penubuhan agensi seperti ini adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Perdagangan dan Perindustrian kerana ianya mempunyai kuasa ke atasnya. SIRIM boleh menjalankan pengujian-pengujian teknikal dan kemudahan-kemudahan pemeriksaan, sekiranya agensi seperti itu ditubuhkan dengan syarat Institusi ini menerima belanjawan untuk disalurkan bagi pembelian alat-alat pengujian dan tambahan kakitangan. Walau bagaimanapun, aspek-aspek pelaksanaan adalah di bawah kuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Kementerian saya akan merundingkan perkara ini dengan Kementerian Perdagangan supaya satu keputusan dapat dicapai.

(b) Mengenai cadangan Kerajaan menubuhkan satu 'Consumer Goods Testing Unit' seperti yang terdapat di Britain dan West Germany, perhatian adalah diberi memandangkan bahawa SIRIM merupakan badan nasional yang bertanggungjawab untuk menguji bezantara barangan buatan Malaysia. Walau bagaimanapun, patut ditekankan di sini bahawa peranan SIRIM di dalam pengujian barangan termasuk barangan-barangan berguna adalah secara sukarela oleh pekilang-pekilang dan pengeluar-pengeluar melainkan untuk satu dua perkara di mana kuatkuasa undang-undang oleh agensi-agensi penguatkuasa dibuat ke atas barangan-barangan seperti topi keledar untuk penunggang-

penunggang motosikal dan talipinggang keledar. Penubuhan 'Consumer Goods Testing Unit' adalah baik tetapi pelaksanaannya adalah di bawah agensi Penguatkuasaan seperti Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. SIRIM boleh memberi perkhidmatan pengujian jika agensi tersebut ditubuhkan.

(c) Mengenai permintaan agar SIRIM menguatkan lagi untuk menentukan agar semua barangan-barangan yang dijual di dalam pasaran tempatan dapat diuji dengan memuaskan. Ini dinyatakan di sini yang buat masa ini SIRIM belum lagi mendapat sandaran penguatkuasaan yang dikehendaki kesemua barangan di pasaran tempatan diakui dan diuji. Walau bagaimanapun, buat masa ini SIRIM memberi perkhidmatan pengesahan ke atas bezantara barangan (lebih kurang 50 kumpulan sehingga hari ini) yang melibatkan 123 pelesen-pelesen. Ingin ditegaskan di sini bahawa pelesen-pelesen ini tidak dimestikan oleh undang-undang agar barangan-barangan mereka disahkan dengan kemudahan-kemudahan pengesahan SIRIM adalah berasaskan penyertaan pekilang-pekilang secara sukarela. Barangan-barangan di bawah sekim pengesahan SIRIM adalah tertakluk kepada penerimaan dan pengujian untuk menentukan yang barangan ini sentiasa mematuhi penentuan-penentuan menurut piawaian-piawaian berkenaan. Juga proses pengeluaran pekilang diperiksa untuk menentukan yang pelesen tersebut sentiasa mematuhi piawaian. Selain daripada tempoh pralesen di mana barangan tersebut dinilai, SIRIM juga menjalankan ujian serta ketertipan ke atas barangan-barangan yang diberi lesen. Ujian-ujian tanpa memberitahu juga dijalankan dan ini termasuk ujian-ujian ke atas sampel-sampel barangan yang diambil dan pesanan terbuka. Institusi ini akan dapat memenuhi peranannya sebagai badan pengesahan, jika ianya dapat memperolehi belanjawan yang cukup untuk menjalankan perkhidmatan pengesahan dan pengujian.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bruas membangkitkan tentang gangguan-gangguan gajah di Daerah Bruas, Perak. Sebenarnya Jabatan Hidupan Liar dan Taman Negara di bawah Kementerian saya telahpun mengambil tindakan yang difikirkan sesuai. Supaya berlaku adil, biarlah saya jelaskan sedikit latarbelakang kawasan ini. Pada masa kawasan ini belum dimajukan bilangan gajah-gajah dianggarkan 20 ekor dan dalam Rancangan Malaysia Ketiga apabila kawasan ini dimajukan oleh pihak FELDA dan FELCRA di mana jumlah hutan telah berkurangan, dengan yang demikian Jabatan Hidupan Liar tanpa pilihan terpaksa menembak mati 4 ekor dan menangkap 6 ekor. Jadi dianggarkan yang masih tinggal ialah 10 ekor.

Adalah menjadi dasar Kementerian saya untuk menyelamatkan jenis binatang ini kerana pada masa sekarang gajah telah digolongkan dalam keadaan akan terpusup (*endangered species*). Gajah-gajah yang masih tinggal sekarang ini adalah dianggap sesuai hidup di dalam kawasan hutan suainya (habitat lebih kurang 2,700 ekar. Saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Bruas tentu sedar Daerah Bruas merupakan pulau hutan yang telah dikelilingi oleh jalanraya daripada Parit ke Bruas ke Ayer Tawar dan daripada Parit ke Bota ke Ayer Tawar. Oleh itu faktor ini menyebabkan hutan tersebut terputus dengan hutan simpan Bubu yang menjadi jalan ke hutan rimba besar, dengan itu gajah-gajah tersebut terperangkap dalam hutan tersebut. Adalah tidak menasabah menghapuskan semua binatang ini kerana pihak Jabatan Hidupan Liar telahpun mengurangkan kependudukan (*population*) sebanyak 50% daripada kawasan tersebut.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Pertahanan.

5.10 ptg.

Menteri Pertahanan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa perkara mengenai Kementerian Pertahanan.

Pertamanya Ahli Yang Berhormat dari Semerah telahpun menyuarakan harapannya supaya tentera kita dapat diberi latihan yang lebih intensif. Untuk makluman beliau dan Dewan yang mulia ini memanglah kita sedar atas perlunya tentera kita diberi latihan yang secukup-cukup dan sehalus-halusnya. Sebenarnya kita telahpun dapat menjalankan tugas ini daripada mula-mulanya sehingga sekarang ini. Latihan-latihan sentiasa dijalankan bagi semua anggota tentera kita bukan sahaja untuk latihan basic tetapi membaharui latihan mereka sehingga pengalaman dan ajaran yang mereka terima itu akan meningkat daripada satu masa ke satu masa, dan hasilnya pergerakan angkatan tentera kita akan bertambah lebih cekap dari masa ke semasa. Kita juga ada menghantar pegawai-pegawai kita keluar negeri untuk mengikuti berbagai kursus, langkah ini adalah sejajar dengan matlamat memodenkan angkatan tentera kita.

Di bawah rancangan Malaysia Ketiga peruntukan yang besar telah diberi untuk mencapai matlamat ini. Di samping latihan kita sentiasa mengkaji peralatan-peralatan moden, sistem-sistem dan teknik-teknik baru mengikut kemampuan negara untuk digunakan oleh angkatan tentera kita. Sehingga hari ini angkatan tentera kita mempunyai peralatan serta latihan dan sistem yang setanding dengan negara-negara yang sudah moden.

Berhubung dengan cadangan supaya bekas-bekas perajurit tidak semata-mata dihantar menyertai rancangan tanah seperti FELDA, tetapi hendaklah diberi peluang menyertai bidang-bidang tertentu menurut kemahiran masing-masing. Ingin saya jelaskan bahawa memanglah menjadi hasrat dan amalan dalam Kementerian Pertahanan untuk berikhtiar menempatkan bekas-bekas anggota tentera kita ke dalam berbagai-bagai lapangan penghidupan awam apabila mereka telah menamatkan perkhidmatan mereka. Dalam usaha-usaha tersebut bakal-bakal bekas perajurit atau yang sudah menjadi bekas angkatan tentera kita adalah ditempatkan ke dalam lapangan-lapangan yang berkenaan berdasarkan kepada kemahiran, kelulusan pelajaran, pengalaman dan minat yang mereka miliki serta juga berdasarkan peluang-peluang yang ada dalam ekonomi

kita. Bagi pihak Kementerian Pertahanan khususnya melalui Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit adalah sentiasa berusaha dalam memberi bantuan dan pertolongan untuk mereka mendapat tempat dalam bidang penghidupan dan mata pencarian yang sesuai. Perangkaan berikut telah menunjukkan bahawa kejayaan yang dicapai setakat ini adalah menggalakkan.

Bilangan pendaftar pekerjaan dalam tahun 1970-1977 ialah 10,098 orang, dari bilangan ini kita dapat tahu 4,428 orang telah dapat kerja. Bilangan yang menyertai rancangan tanah seperti FELDA dari tahun 1960 hingga 1977 ialah 4,141. Bilangan yang mendapat permit teksi di antara 1964 hingga 1977 ialah 2,390 permit dan bilangan permit mini bus yang diberi antara tahun 1975—1976 ialah 143 permit.

Angka-angka di atas bukanlah berdasar atas angka yang sebenarnya kerana kita belum ada lagi feed back sistem yang lengkap. Jadi angka-angka itu hanya merupakan apa yang dapat kita tahu dengan saluran-saluran yang belum cukup lengkap. Bagi anggota-anggota tentera yang hampir akan menamatkan perkhidmatan, mereka adalah diberi peluang untuk mengikuti berbagai jenis kursus di mana Sekim latihan Peralihan sebagai persediaan mereka untuk menyesuaikan diri serta meningkatkan keupayaan kemahiran bagi memudahkan mereka mendapatkan pekerjaan di dalam penghidupan awam. Dari tahun 1972 hingga 1977 seramai 8,011 pelatih telah mengikuti latihan peralihan ini dan dari jumlah itu seramai 4,335 telah diketahui mendapat pekerjaan atau telah membuat pekerjaan sendiri. Pecahan dari sekim-sekim latihan itu ditunjukkan seperti berikut:

Di antara tahun 1972 hingga 1977 dalam bahagian vokesyenal telah dilatih 821 orang dan berjaya mendapat kerja sejauh yang kita dapat tahu ialah 290 orang.

Dalam bidang perniagaan, dilatih antara tahun 1973 hingga 1974 ialah 1,033 orang, yang berjaya sejauh yang kita tahu mendapat pekerjaan ialah 471 orang.

Dalam bidang pertanian dan ternakan dapat latihan antara tahun 1973 hingga

1977 ialah 990 orang, sejauh kita tahu 562 telahpun berjaya.

Yang mendapat on the job training antara tahun 1972 hingga 1977 ialah 5,267 dan yang kita ketahui berjaya ialah 3,012 orang.

Selaras dengan rancangan ini Kementerian Pertahanan telahpun menubuhkan sebuah holding unit iaitu sekumpulan badan dalam tentera bertempat di Sungai Buloh, Selangor. Mereka ini akan terdiri dari mereka yang akan bersara dan akan diberi gaji sepenuhnya supaya tempat yang ditinggal oleh mereka dalam yunit-yunit tentera lain dapat diisi dengan anggota-anggota baru. Di Sungai Buloh juga kita akan dirikan sebuah Pusat Latihan Peralihan untuk mentadbirkan Sekim Latihan Peralihan, kita jangka projek ini akan siap dalam tahun 1981.

Dalam usaha untuk menolong mencari pekerjaan pula, Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit telah menubuhkan lima pejabat cawangannya yang bertempat pada masa sekarang ini di bandar-bandar seperti Butterworth, Ipoh, Johor Bahru, Kuantan dan Kucing.

Kelima-lima pejabat cawangan ini adalah bertanggungjawab atas kawasan masing-masing dan bertugas untuk memperkuatkan lagi usaha ibu pejabat Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit. Kemungkinan untuk menubuhkan cawangan-cawangan di tempat-tempat lain sedang ditimbangkan supaya kita akan boleh menyediakan satu cawangan bagi tiap-tiap negeri. Oleh hal yang demikian, sejajar dengan usaha-usaha di atas tadi, lapangan-lapangan kehidupan serta juga jenis-jenis pekerjaan yang disertai oleh bekas-bekas tentera kita adalah banyak dan meliputi berbagai-bagai bidang, selain daripada penyertaan dalam sekim tanah seperti FELDA.

Ahli Yang Berhormat dari Semerah juga telah mencadangkan supaya peluang kontrek diberi kepada Koperasi Jaya Tina yang sedang berkembang maju untuk menjahit pakaian uniform pihak tentera. Suka dijelaskan di sini bahawa urusan tender bagi semua kontrek seperti kerja-kerja menjahit uniform tentera sentiasa dikeluarkan dari semasa ke semasa. Pertimbangan atas tender-tender ini adalah

diberikan berdasar kepada kemampuan, mutu kerja dan juga harga yang ditawarkan oleh penender-penender. Koperasi Jaya Tina bolehlah memasuki tender-tender tersebut apabila ianya diiklankan nanti. Pertimbangan yang saksama akan diberikan oleh Kerajaan ke atas tender yang dimasuki itu berdasar kepada faktor-faktor yang saya telah sebutkan.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh telah membangkitkan projek Lapanganterbang TUDM di Gong Kedah dalam jajahan Pasir Puteh, Kelantan yang kononnya terbengkalai dan telah menyeru Kerajaan memberi keutamaan kepada itu untuk kepentingan keselamatan dan pembangunan negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan ini adalah tidak benar kenyataan bahawa projek Lapanganterbang TUDM di Gong Kedah itu diabai-abai. Sebenarnya projek ini adalah diberi keutamaan dan kerjakerja pembaikan serta perancangannya adalah sedang dijalankan. Adalah dijangkakan keseluruhannya projek ini akan dapat disiapkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat nanti.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah menyoal tentang perlunya kenaikan perbelanjaan terhadap keselamatan negara pada hal projek-projek lain untuk faedah golongan yang lebih miskin lagi masih mendesak. Saya suka menjelaskan bahawa perbelanjaan terhadap keselamatan negara sejauh yang mengenai Angkatan Tentera seperti perbelanjaan-perbelanjaan untuk projek-projek lain perlu dinaikkan kerana perkembangan pesat Angkatan Tentera di dalam menghadapi ancaman-ancaman dari musuh negara dan ancaman-ancaman ini bukanlah berkurangan seperti dianggap oleh Ahli Yang Berhormat itu. Kenaikan harga tidaklah dapat dielakkan kerana kenaikan harga alat-alat dan lain-lain bahan yang digunakan oleh anggota Angkatan Tentera. Sebahagian besar daripada alat kelengkapan yang digunakan oleh Angkatan Tentera kita adalah didapati dari syarikat-syarikat luar negeri dan ini bermakna Kerajaan terpaksa membayar harga yang tinggi kerana kos pengeluaran di negara-negara lain telahpun naik. Walau bagaimanapun, penekanan kepada projek-projek pembangunan untuk faedah golongan rakyat miskin juga adalah-

diberi keutamaan oleh Kerajaan kita. Ini dengan jelasnya telah dinyatakan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga, usaha-usaha memerangi kemiskinan, menyusun semula masyarakat dan, jangan dilupa oleh Ahli Yang Berhormat itu, memperteguhkan keselamatan negara adalah menjadi tiga matlamat yang penting sekali dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini. Haruslah disedari bahawa pembangunan hanya boleh terlaksana sekiranya wujud stability dan keamanan dalam negara ini. Oleh yang demikian, tugas memperteguhkan keselamatan negara tidaklah boleh direnggangkan ataupun diabaikan.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang dan Parit telah menyentuh tentang masalah dadah dan antara lain telah mengatakan ada anggota-anggota tentera TLDM di Woodlands terlibat dengan dadah dan telah meminta Kerajaan mengatasinya. Kementerian Pertahanan sedar bahawa penyalahgunaan dadah merupakan satu masalah nasional yang serius dan kita tidak ketinggalan di dalam memainkan peranan untuk mengatasinya. Majlis Angkatan Tentera telah membuat keputusan untuk memberhentikan sesiapa sahaja anggota Angkatan Tentera tanpa mengira pegawai ataupun lain-lain pangkat dari perkhidmatan mereka jika didapati bukti yang mereka adalah penagih atau pengedar dadah. Kementerian ini bersedia menerima maklumat dan bukti dari orang ramai jika mereka mengetahui ada anggota-anggota tentera yang terlibat dengan dadah supaya tindakan dapat diambil. Dalam menentukan tidak ada berlakunya perkara yang tidak diinginkan. Angkatan Tentera ada mengadakan berbagai-bagai kempen serta aktiviti-aktiviti mengenai bahaya penyalahgunaan dadah di yunit-yunit dan di pusat-pusat latihan. Aktiviti keagamaan, dakwah sentiasa diadakan untuk menyedarkan anggota tentera supaya tidak terpengaruh oleh dadah dan perkara-perkara yang boleh mengkhayalkan pemikiran mereka. Di peringkat rekrutmen, iaitu pada masa kita menerima pemohon-pemohon hendak masuk dalam Angkatan Tentera kita pemeriksaan yang hebat dijalankan untuk menjamin supaya tidak ada orang yang sudah kena pengaruh dadah akan dapat diambil dalam Angkatan Tentera kita. Sehingga ini sukacita dinyatakan bahawa telah ada tanda-tanda penyalahgunaan dadah di kalangan

tentera telah dapat kawalan yang cukup. Kita percaya pada masa hadapan perkara ini akan dapat terus dihapuskan. Pada masa sekarang ini bilangan yang kita ketahui terlibat dalam penyalahgunaan dadah adalah sedikit sekali.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar dan Ulu Muda telah menyentuh tentang anggota-anggota tentera yang cacat, lumpuh dan terkorban dan seterusnya telah bertanya kemudahan-kemudahan yang diberi kepada anak-isteri apabila suami mereka terkorban. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini Kerajaan tidak sekali mengabaikan nasib perajurit-perajurit yang malang ini bahkan kita sentiasa menghargakan jasa perajurit-perajurit ini. Memanglah menjadi amalan Kerajaan untuk memberikan perhatian istimewa kepada mereka yang menjadi cacat akibat daripada gerakan keselamatan atau perkhidmatan mereka. Perhatian dan imbuhan kepada mereka ini diberi melalui berbagai-bagai cara. Bagi anggota tentera yang cacat sekiranya mereka masih lagi berkeupayaan untuk bekerja ataupun bekerja ringan, mereka ini dibenarkan meneruskan perkhidmatan mereka dengan kerja yang sesuai bagi keadaan mereka. Mereka akan ditempatkan di dalam pejabat-pejabat selain dari mendapat imbuhan yang khas setimpal dengan kecacatan mereka hingga bersara dan mendapat pencen seperti anggota-anggota yang lain.

Bagi anggota tentera yang cacat dan terpaksa diberhentikan kerana ketidak-upayaan mereka bekerja langsung, mereka adalah diberi saguehati yang mencukupi di samping bayaran pencen bulanan sekiranya mereka telah cukup tempoh perkhidmatan yang diperlukan untuk pencen. Bagi anggota tentera yang terkorban selain dari menerima saguehati sebanyak \$10,000 yang akan diterima oleh balu daripada Tabung Pertahanan Negara, pencen tanggungan dan ganjaran kematian yang mencukupi diberi kepada isteri atau tanggungananya.

Berhubung dengan cadangan memberi pelajaran percuma kepada anak-anak sehingga sekolah menengah dan selanjutnya memberi biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke universiti, sebenarnya perkara ini telahpun diberi perhatian. Pihak Majlis Angkatan Tentera telahpun menetapkan

jumlah bantuan persekolahan tertentu bagi anak-anak bekas anggota yang terkorban dan dengan itu masalah memberi pelajaran percuma kepada anak-anak bekas anggota tentera tidaklah lagi timbul.

Mengenai syor memberikan tanah kepada anggota Pasukan Keselamatan yang cacat sebagaimana yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda, oleh kerana masalah tanah adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan-kerajaan Negeri, Kementerian Pertahanan hanya boleh berusaha untuk cuba mendapatkan kerjasama daripada pihak kerajaan Negeri untuk memberi perhatian dan pertimbangan khusus bagi perajurit-perajurit yang dimaksudkan itu untuk mendapatkan tanah selepas bersara. Dalam pada itu, saya percaya ada sudah terdapat Kerajaan-kerajaan Negeri yang telahpun mengambil berat dan memberi perhatian istimewa kepada bekas-bekas perajurit di dalam berbagai-bagai bidang bukan sahaja dalam pengurniaan tanah, bahkan juga penyertaan dalam rancangan perumahan, lesen-lesen gerai berniaga dan lain-lain peluang.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda juga telah membangkitkan soal kemudahan tentera di Sempadan Malaysia/Thai. Ahli Yang Berhormat telah mengesyorkan supaya kem askar di Gubir diperbesarkan serta tempat persinggahan seperti di Sungai Petani disediakan untuk kemudahan Pasukan Keselamatan yang dalam perjalanan ke hutan-hutan di sempadan. Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana perhatian berat beliau di atas kemudahan tentera kita. Ingin saya menjelaskan bahawa kem tentera di Gubir ialah satu kem operasi iaitu bukan kem tempat kediaman biasa. Kem tersebut merupakan pengkalan hadapan dan kemudahan yang ada sekarang ini adalah mencukupi bagi tujuan kem itu. Pihak tentera sentiasa memperhatikan keadaan dan jika keperluan timbul maka tindakan tertentu akan diambalkan untuk menambahkan kemudahan-kemudahan yang ada. Berhubung dengan kem di Sungai Patani, kem ini mempunyai kemudahan yang dianggapkan cukup memadai dan apakala keperluannya berbangkit kita akan memperelokkannya.

Ahli Yang Berhormat juga telah mencadangkan supaya bilangan helikopter yang

ada ditambahkan untuk kemudahan pengangkutan para tentera di sempadan. Di dalam hal ini ingin saya menjelaskan bahawa pada masa ini TUDM mempunyai beberapa buah helikopter yang ditempatkan di beberapa pengkalan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Untuk keperluan pada masa ini jumlah yang ada dianggap mencukupi. Walau bagaimanapun, pihak TUDM dan Kementerian pertahanan sentiasa mengkaji keperluan ini dan langkah-langkah akan diambil untuk menambah bilangan helikopter apabila keadaan memerlukan. Ingin saya menerangkan di sini bahawa dalam soal bilangan helikopter kita mestilah menyesuaikan bilangannya dengan kebolehan kita melatih pihak-pihak pilot juga.

Ahli Yang Berhormat dari Silam telah menimbulkan soal keganasan lanun-landun dan perompak di perairan Sabah dan Sarawak. Beliau mengesyorkan supaya anggota tentera ditambah di kawasan Semporna dan Lahat Datu dengan melengkapkan mereka dengan senjata moden dan menambahkan bot-bot laju. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, Tentera Laut Di Raja Malaysia sudah menyediakan beberapa buah kapal ronda yang ditetapkan untuk meronda di perairan Sabah dan Sarawak pada setiap masa. Seperti sedia termaklum kawasan pantai Sabah dan Sarawak adalah melebihi 1,000 batu panjangnya. Walau bagaimanapun kerana ada perancangan yang teliti untuk menggunakan bot-bot dan kapal-kapal yang kita ada, TUDM setakat ini berjaya menjalankan tugas rondaan dengan presence yang cukup dalam kawasan Sarawak dan Sabah. Insya Allah TUDM akan seterusnya berusaha dan menghaluskan lagi cara-cara dengan mana rondaan-rondaan dapat diperhebatkan dan soal lanun ini akan dapat terus dihapuskan dengan kerjasama dengan pihak polis dan pihak-pihak lain.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar dan juga Ahli Yang Berhormat dari Lubuk Antu telah juga menyentuh beberapa perkara mengenai Kementerian ini. Antara lain mereka telah menyeru supaya tentera kita menggunakan alat-alat senjata yang "up-to-date". Seterusnya mereka telah menyatakan bahawa Kerajaan hendaklah memberi layanan hidup yang baik, seperti gaji, tempat tinggal dan sebagainya kepada anggota tentera kita.

Akhirnya Ahli-ahli Yang Berhormat itu juga telah menunjukkan hasrat mereka supaya Kerajaan memberi perhatian yang lebih baik kepada anggota-anggota tentera yang cedera semasa menghadapi musuh. Adalah dimaklumkan bahawa pada masa ini angkatan tentera memang sentiasa membekalkan anggotanya dengan alat-alat yang moden, bukan sahaja moden tetapi sangat-sangat sesuai untuk kegunaan negara kita ini dan untuk menghadapi rupa bentuk ancaman yang kita hadapi. Sebagaimana yang telah dijelaskan awal-awal tadi langkah ini adalah selaras dengan dasar Kementerian Pertahanan untuk mempermodenkan peralatan-peralatan yang digunakan oleh anggota tentera kita bagi menghadapi ancaman-ancaman terhadap keselamatan negara.

Berhubung dengan soal layanan hidup yang baik kepada tentera kita sebagaimana yang telah ditegaskan di dalam Dewan ini beberapa kali anggota-anggota tentera kita pada masa ini telahpun diberi layanan yang memuaskan dan cukup baik daripada segi gaji, kemudahan-kemudahan tempat tinggal, perubatan dan sebagainya. Dengan terlaksananya tanggagaji baru bagi Angkatan Tentera kita yang telah dilaksanakan pada bulan Oktober, 1977 yang lalu anggota tentera kita telahpun menikmati taraf hidup yang lebih baik.

Mengenai anggota tentera yang cedera semasa menghadapi musuh, saya telahpun memberi jawapan terlebih dahulu daripada ini dan saya berharap Ahli Yang Berhormat itu dapat mengambil perhatian atas jawapan itu.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Akhirnya, saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana memberi pandangan dan penghargaan kepada anggota tentera kita yang telahpun memberi banyak cadangan kepada Kementerian Pertahanan, saya ingin menyatakan di sini bahawa Kementerian Pertahanan sedia menerima teguran dan cadangan-cadangan membina pada bila-bila masa sahaja untuk kebaikan Kementerian Pertahanan dan anggota Angkatan Tentera kita amnya.

5.38 ptg.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih atas pandangan-pandangan yang membina yang telah diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa membahaskan Anggaran Belanjawan 1979.

Mengenai keraguan Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Karang berhubung dengan hasil operasi hujan tiruan yang dijalankan oleh Perkhidmatan Kajicuaca Malaysia semasa membangkitkan masalah kekurangan air tawar di kawasanannya. Untuk makluman ahli Yang Berhormat itu, operasi tersebut yang dijalankan di kawasan MADA telah mencapai hasil yang sangat menggalakkan dan berjaya menambahkan air di ampangan-ampangan kawasan tersebut pada bulan September tahun ini kepada 450,000 ekar-kaki berbanding dengan 260,000 ekar-kaki dalam bulan April sebelum operasi hujan tiruan ini dijalankan. Di samping itu, saya diberitahu bahawa sesuatu kawasan itu sesuai atau tidak untuk dibuat operasi hujan bergantung kepada beberapa faktor.

Walau bagaimanapun, memandangkan pada masa ini kakitangan dan kemudahan-kemudahan operasi ini ditumpukan di kawasan MADA, maka tidaklah mungkin Jabatan Perkhidmatan kajicuaca dapat menyediakan kemudahan tambahan bagi menjalankan operasi hujan tiruan di lain-lain tempat.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang cadangan Ahli Yang Berhormat dari Petaling supaya diadakan public inquiry untuk mengujudkan perkhidmatan pengangkutan awam terutamanya bas, yang baik, murah dan cekap bagi membolehkan rakyat berpendapatan rendah menikmatinya, suka saya memaklumkan bahawa Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang bertujuan supaya perkhidmatan bas itu baik dan untuk kepentingan orang ramai. Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa beberapa perubahan telah dibuat bagi faedah bus operators di dalam budget proposal ini. Memandangkan perkara ini, pada hemat saya Kerajaan tidak perlu mengadakan public inquiry kerana langkah-langkah di atas adalah mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sarikei, untuk membina satu pelabuhan di Tanjung Manik, Sarawak, eloklah perkara tersebut dikemukakan kepada Kerajaan Negeri Sarawak untuk pertimbangannya oleh kerana perkara pelabuhan di sana adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri.

Berhubung dengan syor penambahan bilangan penerbangan dalam negeri di Sabah dan Sarawak oleh Ahli Yang Berhormat dari Kimanis dan Bukit Mas, suka saya menerangkan bahawa adalah menjadi tujuan dan hasrat Kerajaan dan juga pihak MAS bagi mengadakan perkhidmatan penerbangan yang sesuai dan mencukupi bagi rangkaian penerbangan domestik MAS sejajar dengan kehendak penumpang-penumpang. Hasrat ini adalah jelas apabila perpecahan Syarikat MSA dalam bulan Oktober 1972, pihak MAS telah membuat berbagai perubahan dan menambah perkhidmatan-perkhidmatan dalam negeri terutama sekali perkhidmatan yang menghubungi Semenanjung Malaysia dengan Malaysia Timur di samping mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan luarbandar yang menggunakan kapalterbang jenis BN2. Pihak MAS juga telah menambah lagi sebuah kapalterbang jenis BN2 untuk penerbangan luarbandar di Sabah dan Sarawak. Penambahan perkhidmatan-perkhidmatan luarbandar terutamanya di Sabah dan Sarawak juga telah dimasukkan di dalam rancangan lima tahun MAS yang mana pelaksanaannya akan dibuat secara berperingkat-peringkat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Menglembu telah menyatakan dengan panjang lebar berserta dengan sifir-sifir perkiraannya berhubung dengan pembayaran pampasan kepada mangsa nahas kapalterbang MAS. Saya suka tegaskan dan menjelaskan bahawa pembayaran pampasan tersebut adalah dikawal oleh undang-undang dalam negara ini dan juga undang-undang antarabangsa. Di Malaysia undang-undang yang digunakan ialah Civil law Ordinance No. 5 of 1956, Carriage By Air Act, 1974; Carriage By Air (Application of Provisions) Order 1975 dan Carriage By Air (Ringgit Equivalent) Order 1978.

Had bagi pembayaran pampasan di bawah Carriage By Air (Ringgit Equivalent) Order

1978 ialah \$48,000. Asas bagaimanakah \$48,000 itu didapati ialah sebagaimana diterangkan dalam Perintah tersebut. Penilaian ringgit yang dibuat itu telah dikira dengan merujuk kepada SDR (Special Drawing Right) nilai bagi franc emas ditukarkan kepada dollar Amerika dan kepada Ringgit Malaysia mengikut kadar pada masa itu. Carriage by Air (Ringgit Equivalent) Order 1978 telahpun dikeluarkan mengikut kuasa yang diberi oleh seksyen 6(4) Carriage By Air Act, 1974.

Sukacita saya menyatakan bahawa peruntukan Section 6(4) Carriage By Air Act, 1974 ini adalah sama sebagaimana yang termaktub di Section 4(4) Carriage By Air Act 1961 yang berkuatkuasa di United Kingdom. Kerajaan United Kingdom telah juga mengeluarkan undang-undang iaitu Carriage By Air (Sterling Equivalent) Order, 1978, yang menetapkan penilaian 250,000 franc sama dengan £10,780 yang juga senilai dengan M\$47,400 mengikut keadaan pasaran sekarang.

Dakwaan yang pihak MAS "under-insured" penumpang-penumpangannya sama sekali tidak timbul kerana MAS telahpun mengambil insurannya mengikut asas-asas dan praktis yang dijalankan oleh Syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa yang lain. Perkara bayaran gantirugi itu tidak kena mengena dengan jumlah insuran MAS sebab pihak MAS dan juga underwriternya akan membayar pampasan tersebut mengikut undang-undang.

Mengenai dakwaan Ahli Yang Berhormat itu yang orang ramai telah hilang kepercayaan kepada MAS berikutan dengan nahas tersebut, saya yakin tentu Ahli Yang Berhormat tersebut sedar bahawa MAS telah dapat keuntungan yang meggalakkan (lebih kurang \$17 juta) pada tahun kewangan 1977/78 dan dengan jumlah keuntungan ini sudah tentu boleh menyangkal jangkaan Ahli Yang Berhormat berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan-soalan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya suka menyatakan bahawa ada beberapa kes di mahkamah berkaitan dengan perkara ini. Dengan yang demikian perkara bayaran pampasan ini tidaklah dibincangkan di Dewan ini. Jenis

insurance Policy MAS adalah bagi comprehensive general legal liabilities untuk sejumlah US\$200,000,000 bagi tiap-tiap kemalangan dan tidak bagi tiap satu penumpang. Ini adalah sejajar dengan insuran yang diambil oleh syarikat-syarikat penerbangan yang lain. Oleh itu adalah tidak benar bahawa penumpang diinsurankan sebanyak US\$10,000 sahaja. Bayaran pampasan bukan bergantung kepada banyak manakah insuran diambil tetapi adalah tertakluk kepada undang-undang yang berkuatkuasa bagi bayaran pampasan.

Bayaran untuk Lee Wah Min adalah diasaskan di atas undang-undang mengenai "minor". Berkenaan dengan Vanajamaniam, adalah benar bahawa ia bukan lagi pekerja MAS pada 4hb Disember, 1977 oleh kerana ia sendiri telah meletakkan jawatan pada 30hb November, 1977 iaitu 5 hari sebelum tragedi itu terjadi.

Ahli Yang Berhormat dari Labuk Sugut telah menyentuh kelewatan siapnya lapangan terbang Sandakan yang pada pendapat Ahli Yang Berhormat tersebut sepatutnya siap dalam Rancangan Malaysia Kedua tetapi projek ini telah dibawa ke hadapan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Suka saya menerangkan, mengikut Rancangan pembinaan Lapangan terbang Sandakan dalam Rancangan Malaysia Kedua adalah untuk mendapatkan tanah (land acquisition) untuk pembinaan lapangan terbang tersebut. Matlamat ini telahpun dicapai setelah peruntukan diluluskan. Projek rekabentuk lengkap lapangan terbang tersebut bermula pada bulan Ogos, 1978. Pembinaan dijadualkan bermula pada pertengahan tahun 1979 dan dijangka siap pada awal Rancangan Malaysia Keempat. Kelewatan projek ini kerana peruntukan hanya diluluskan pada bulan September 1977. Walau bagaimanapun, sejumlah peruntukan telah diluluskan bagi meratakan semula (resurfacing) landasan sekarang untuk membolehkan digunakan sehingga landasan baru siap.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan di atas perkara-perkara Kementerian saya dan Kementerian-kementerian yang

lain. Tetapi saya dukacita di sini nampaknya Ahli-ahli Yang Berhormat dari Parti Pembangkang seorang sahaja yang ada dan saya juga mengucapkan terima kasih kerana dakwaannya banyak tetapi apabila Kerajaan menjawab yang mendengar sangat kurang. Jadi saya mahu mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Barisan Nasional yang mendengar dengan sabar atas ucapan-ucapan dari Menteri-menteri dan boleh membawa balik atau hantar balik ke kawasan masing-masing.

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam.

5.51 ptg.

Menteri Perusahaan Awam (Tuan Abdul Manan bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari pembangkang iaitu dari Kota Melaka telah membangkitkan pembinaan rumah-rumah murah oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka Ahli Yang Berhormat tersebut tidak sedar bahawa Perbadanan tersebut telahpun membina rumah-rumah tersebut untuk orang-orang yang berpendapatan rendah. Begitu juga tentang projek-projek yang dijalankan memang ianya sentiasa dikaji dari semasa ke semasa supaya selaras dengan Dasar Ekonomi Baru. Ini memanglah menjadi hasrat dan perjuangan Kerajaan Barisan Nasional.

Untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Sungei Petani, rumah-rumah yang dibina oleh Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri dan agensi-agensi Kerajaan yang lain telahpun memperuntukkan sekurang-kurangnya 30% daripada rumah-rumah tersebut kepada Bumiputra.

Menyentuh cadangan Ahli Yang Berhormat dari Simunjan supaya Perbadanan Kemajuan Negeri (PKEN) mendirikan lebih banyak leig kilang memproses kelapa, izinkan saya menegaskan bahawa setiap projek akan dikaji dan dilaksanakan menurut keperluan supaya ianya benar-benar mendatangkan faedah kepada negara dan rakyat.

Mengenai syor dari Ahli Yang Berhormat dari Sungei Petani, sukaiah saya menyatakan di sini bahawa UDA memang ada membuat kajian tentang tempat-tempat yang sesuai di bandar-bandar di mana kaum bumiputra boleh menjalankan perniagaan masing-masing dengan teratur dan licin. Mengenai pelesenan oleh Lembaga Padi dan Beras Negara, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk memberi peluang yang lebih luas kepada semua kaum bumiputra untuk menceburkan diri di dalam perniagaan padi dan beras dan peluang-peluang ini telahpun diterima dengan baiknya.

Teguran Ahli Yang Berhormat dari Kangar supaya MARA menaikkan kadar pinjaman untuk usahawan kepada \$200,000, adalah di dalam perhatian. Keperluan untuk menaikkan kadar ini akan dikaji berserta dan selaras dengan usaha-usaha MARA yang lain. Buat sementara, satu-satu pinjaman adalah terhad kepada \$50,000 sahaja.

Di atas perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kemaman, saya ingin menegaskan di sini bahawa perhatian memanglah telah, sedang dan akan diberikan kepada dasar untuk membangunkan kawasan-kawasan yang kurang maju melalui usaha-usaha Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri dan juga agensi-agensi lain yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda di atas perkara-perkara yang telah ditimbulkan olehnya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MARA telah mengambil perhatian sewajarnya untuk memastikan bahawa bantuan pinjaman yang diberikan adalah benar-benar berfaedah supaya dapat peminjam-peminjam memulakan perniagaannya. MARA akan sentiasa mengikuti kemajuan peminjam-peminjam supaya mereka akan berjaya. Ini akan diusahakan dengan adanya penyusunan di dalam MARA yang mana pembangunan usahawan-usahawan akan menjadi tumpuan keutamaan. Kursus-kursus untuk usahawan-usahawan dan juga bakal-bakal usahawan Bumiputra akan diteruskan. Pada keseluruhannya secara purata kira-kira 70% daripada mereka yang menghadiri kursus-kursus yang telah dianjurkan oleh

MARA sudahpun berusaha ataupun menjalankan perniagaannya sendiri. Memang benar bahawa setengah-setengah anak-anak syarikat MARA telah berjalan dengan tidak memuaskan. Tetapi segala langkah telah diambil untuk memperbaiki keadaan ini dan kemajuan yang menggalakkan telahpun dicapai. Mengenai soal kakitangan MARA, saya percaya dengan penyusunan MARA yang sedang diusahakan mereka akan memberi kerjasama serta azam dan semangat yang berlebihan daripada masa-masa yang lepas.

Menyentuh tentang Maktab Rendah Sains MARA pula, memanglah menjadi hasrat Kerajaan hendak menubuhkan sekurang-kurangnya sebuah Maktab di tiap-tiap negeri. Mengenai Institiut Kemahiran MARA pula, ia tidak dapat menubuhkan syarikat pemborong seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda kerana tugasnya adalah untuk memberikan latihan kepada kaum Bumiputra. Lagi pun, sudah ada pemborong-pemborong Bumiputra lain yang mampu menjalankan kerja-kerja itu. Namun demikian MARA akan memberi latihan lanjutan kepada para lulusan Institiut Kemahiran MARA ini tentang selok-belok perniagaan serta apa juga bantuan lain agar mereka benar-benar menjadi usahawan-usahawan yang berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau yang telah menerima baik kejayaan Amanah Saham MARA Berhad. Dalam pada itu saya suka mengucapkan terima kasih khas kepada orang ramai yang telah tampil ke hadapan melabur melalui saham MARA yang ke 10 dan ini adalah satu petanda baik di dalam usaha Kerajaan Barisan Nasional membanyakkan pelabur di kalangan Bumiputra khususnya. Untuk makluman, pada mulanya Pemegang Amanah Raya telah membenarkan sebanyak \$5 juta saham sahaja dan oleh kerana sambutan yang begitu hangat maka jumlah \$5 juta telah habis dijual dalam masa seminggu sahaja. Persetujuan telah diterima untuk menambahkannya menjadi \$15 juta. Sehingga ini jumlah yang terjual telahpun meningkat \$10 juta semuanya. Semuanya ini menunjukkan kepercayaan rakyat kepada usaha Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

5.56 ptg.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Saya telah meneliti ucapan-ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dan ingin menjawab satu persatu teguran-teguran yang telah dibuat.

Ahli Yang Berhormat dari Kemaman telah membangkitkan tentang pemilikan tanah untuk warganegara asing. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Kementerian telah lama sedar tentang perkara ini yang telah beberapa kali dibangkitkan di Persidangan Majlis Tanah Negara. Kajian-kajian telah dibuat untuk mengetahui sejauh mana tanah dimiliki oleh warganegara asing di negara ini. Daripada kajian-kajian dan data-data yang didapati, Kementerian berpendapat perkara ini tidaklah begitu berat. Di beberapa negeri lain terutama di Johor, Pulau Pinang, Selangor dan Perak banyak tanah-tanah pemilikan warganegara asing adalah dimiliki oleh syarikat-syarikat swasta yang membuka perusahaan-perusahaan di negara ini. Tanah-tanah ladang yang dipunyai oleh orang-orang atau syarikat yang bukan warganegara adalah diberi dalam masa negeri kita belum merdeka dahulu. Walau bagaimanapun, setengah-setengah syarikat ladang itu telah pun dibeli oleh rakyat Malaysia dengan cara saham-sahamnya dibeli oleh rakyat Malaysia atau sebahagian dari saham-sahamnya dibeli dengan cara syarikat-syarikat itu disusun semula.

Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah serta Majlis Tanah Negara telah membincangkan perkara ini dengan mendalam. Sebagaimana yang sedia diketahui soal pemberian tanah ini adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri, dan Majlis Tanah Negara mendapati Kerajaan Negeri berkenaan mempunyai kuasa yang cukup dan berhak menyekat dengan menggunakan apa-apa syarat dan sekatan untuk mencegah pemilikan tanah oleh warganegara asing.

Pindaan undang-undang tidak perlu dibuat kerana Kerajaan-kerajaan Negeri mengadakan sekatan-sekatan tertentu bagi mencegah tanah-tanah yang diberi oleh Kerajaan daripada dijual atau dipindah milik kepada warganegara asing.

Dakwaan Yang Berhormat dari kemaman yang menyatakan Undang-undang Tanah yang ada sekarang ialah untuk kepentingan orang yang sudah punyai tanah sahaja adalah tidak benar dan mengelirukan. Sebenarnya polisi Kerajaan Negeri ialah memberi tanah kepada rakyat yang tidak mempunyai tanah. Kerajaan negeri tidak lagi memberi tanah yang berluasan pada orang perseorangan atau syarikat yang dimiliki oleh dua atau tiga orang sahaja tetapi mengeluarkan tanah melalui agensi Kerajaan seperti FELDA, FELCRA, RISDA, TABUNG HAJI, Persatuan Belia Peladang, Syarikat-syarikat Kerjasama dan lain-lain supaya rakyat yang miskin dan yang betul-betul berkehendakkan tanah diberikan tanah. Dengan cara ini ramai rakyat jelata khususnya yang miskin yang di luar bandar dan yang bekerja dengan berpendapatan kecil akan dapat menikmati tanah dari Kerajaan. Tuduhan Yang Berhormat yang mengatakan Undang-undang Tanah yang ada dan dasar Kerajaan untuk memberi tanah kepada orang yang sudah ada tanah untuk menambah kekayaannya adalah tidak benar. Cadangan Yang Berhormat kepada Kerajaan untuk meminda Seksyen 43A Kanun Tanah Negara, telah lama dikaji oleh Kerajaan dengan cara mendalam dan Kerajaan telah memutuskan setakat ini Seksyen tersebut tidak mustahak dipinda.

Suka saya menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat mengenai pembangunan KESEDAR. Untuk makluman Yang Berhormat pembangunan sesuatu wilayah yang luas seperti KESEDAR memerlukan perancangan yang halus dan teliti untuk menentukan bahawa segala pembangunan projek sosio-ekonomi dan pembangunan asas dapat diselaraskan untuk memberi hasil atau faedah yang paling baik. Tanah yang sesuai untuk pertanian dan kajian teliti untuk projek-projek perlu diadakan terlebih dahulu sebelum dilaksanakannya. Bagi tujuan ini perancangan dan kajian yang terperinci perlu diadakan. Perancangan dan kajian seperti ini

memerlukan masa. Walau bagaimanapun Lembaga Kemajuan Wilayah Kelantan Selatan akan menjalankan projek sebaik-baik sahaja ianya dikesan, dan boleh dilaksanakan di samping menunggu Pelan Induk siap disediakan.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang telah mengesyorkan supaya Kerajaan mengadakan undang-undang mengawal tanah-tanah simpanan Melayu daripada dimiliki oleh orang-orang bukan Melayu. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat boleh dikatakan kesemua Enakmen-enakmen Tanah Simpanan Melayu tidak membenarkan orang-orang bukan Melayu memiliki tanah-tanah simpanan Melayu.

Ahli Yang Berhormat tersebut juga telah mengatakan bahawa Kerajaan patut menebus tanah-tanah simpanan Melayu yang tergadai. Memang ada Enakmen Tanah Simpanan Melayu yang telah membenarkan cagaran kepada bukan Melayu. Kementerian saya telah berhubung dengan Kerajaan Negeri yang berkaitan mengenai hal ini. Selain daripada itu ada juga tanah-tanah Simpanan Melayu, di tempat-tempat di mana Enakmen Simpanan Melayu tidak membenarkan cagaran kepada bukan Melayu, dicagarkan kepada orang-orang Melayu yang mewakili orang-orang bukan Melayu. Tanah-tanah yang dicagar ini, baik secara langsung atau tidak langsung kepada bukan Melayu, memerlukan kajian yang mendalam dan penelitian ke atas tiap-tiap kes yang sebenar. Melalui FELCRA, hingga sekarang terdapat beberapa permohonan yang dilulus untuk menebus tanah-tanah sedemikian. Bantuan guaman juga diberi. Perhatian yang seterusnya adalah diberi oleh Kementerian kepada hal ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah membangkitkan perkara kelambatan memproses permohonan-permohonan tanah untuk projek-projek swasta.

Memang benar sesuatu permohonan tanah patut melalui peringkat-peringkat tertentu terutamanya rujukan kepada Jabatan-jabatan seperti JKR, JPT, Majlis Perbandaran, LLN., Jabatan Penilaian, Jabatan Pertanian dan sebagainya. Ini adalah untuk menentukan tidak akan terdapat sebarang kekeliruan

kelak. Lambat atau cepatnya permohonan itu diproses tertakluk kepada faktor-faktor seperti kegunaan tanah yang diminta samada untuk pertanian, perumahan atau industri, di mana letaknya tanah yang diminta samada di kawasan bandar atau luar bandar, rujukan-rujukan yang perlu dibuat, dan kesulitan permohonan itu sendiri. Dalam kawasan industrial estate atau kawasan perusahaan, rujukan-rujukan telahpun dibuat oleh Perbadanan Kemajuan Negeri yang berkenaan kepada Jabatan-jabatan yang berkenaan dan tapak-tapak tersebut adalah tersedia untuk pemberian milik. Di sini proses mendapatkan tanah tidaklah panjang dan di setengah-setengah tempat memakan masa yang amat pendek.

Oleh kerana permohonan sesuatu tapak tanah menjadi faktor utama yang melambatkan sesuatu permohonan diluluskan maka perhatian kepada faktor ini juga diberi di waktu melatih Pegawai-pegawai Tanah supaya mereka boleh bertindak dengan pantas. Kursus-kursus adalah diberi kepada mereka dan panduan-panduan juga dikeluarkan dari masa ke semasa.

Ahli Yang Berhormat dari Bruas telah menyeru Kerajaan supaya menaikkan kadar bantuan tanaman semula getah sebanyak \$500.00 lagi. Sukalah saya menyatakan di sini bahawa Kerajaan telahpun mengkaji perkara ini dengan mendalam dan telah menentukan kos purata bagi tanaman semula getah seekar adalah di dalam lingkungan \$1,300.00. Ini bergantung kepada jenis bahan-bahan pertanian yang digunakan. Anggaran ini telah termasuk juga kos buruh yang sepatutnya disumbangkan sendiri oleh pekebun kecil, Kerajaan telahpun mengambil keputusan untuk menambahkan grant bantuan tanam semula untuk pekebun kecil getah dari \$900.00 kepada \$1,200.00 seekar dan kemudahan ini diperkuatkuasa mulai 1.1.1978. Oleh itu tidak ada sebab untuk menaikkan lagi bantuan ini pada masa sekarang.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi menunjukkan minat dan mengeluarkan pendapat-pendapat dengan tujuan memperbaiki urusan pentadbiran dan pembangunan tanah demi kepentingan dan kesejahteraan umat.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang.

6.03 ptg.

Timbalan Menteri Undang-undang (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan membuat syor-syor mengenai dengan tugas Jabatan-jabatan di bawah Kementerian Undang-undang.

Beberapa orang ahli-ahli Yang Berhormat telah menimbulkan perkara-perkara yang berkaitan dengan tugas-tugas Biro Siasatan Negara dan melahirkan hasrat supaya Biro Siasatan Negara lebih cergas dan bertindak lebih tegas terhadap kes-kes yang bersabit dengan rasuah, dan penyalahgunaan kuasa dengan tidak membeza mereka yang terlibat itu orang yang berpangkat tinggi atau orang-orang bawahan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang sering ditegaskan dalam Dewan ini, Biro Siasatan Negara mempunyai kuasa luas di bawah undang-undang dan bebas dalam menjalankan tugas-tugasnya dengan tidak dipengaruhi oleh sesiapa pun. Tiap-tiap aduan yang dibuat adalah disiasat dengan teliti oleh Biro Siasatan Negara. Banyak kes-kes telahpun dibawa ke Mahkamah dan selain dari itu ada banyak juga orang-orang yang telah dikenakan tindakan tatatertib atas kesalahan-kesalahan mereka lakukan. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat dapat menyaksikan sendiri, banyak kes-kes telahpun dibawa ke Mahkamah tanpa mengira kedudukan atau pangkat orang-orang yang terlibat itu.

Kita kena akui bahawa dalam menjalankan tugas-tugasnya, Biro siasatan Negara terpaksa menghadapi beberapa masalah yang sukar diatasi yang menjejaskan hasil penyiasatan sesuatu kes. Antara lain masalah-masalah ini ialah kekurangan kakitangan, kesukaran mendapat keterangan dan kadangkala kurang kerjasama dari pihak-pihak yang tertentu.

Dengan sebab itu ada terdapat kes-kes yang tidak dapat dibawa ke Mahkamah tetapi ini bukanlah kerana orang-orang yang terlibat itu mempunyai kedudukan yang istimewa. Walaupun kes-kes yang sedemikian tidak

dapat dibawa ke mahkamah, tindakan lain yang sesuai ada juga diambil seperti tindakan tatatertib bagi pegawai-pegawai Kerajaan. Walaupun selama ini mengalami kekurangan kakitangan berbanding dengan kerja-kerjanya yang semakin bertambah dari sehari ke sehari adalah didapati secara keseluruhan Biro Siasatan Negara telah menjalankan tugas-tugasnya dengan memuaskan dalam negara kita ini. Dalam masa beberapa minggu lagi BSN akan mendapat lebih kurang 100 orang Penolong Pegawai Siasatan (Assistant Investigation Officers) sebagai tambahan kepada bilangan yang ada sekarang. Temuduga untuk jawatan ini telahpun selesai dan tawaran akan dihantar kepada mereka yang berjaya tidak lama lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Menglembu menyentuh tentang tuduhan rasuah yang dibuat terhadap Yang Amat Berhormat ketua Menteri Sabah iaitu Wakil dari Ulu Padas. Perkara ini sekarang ada dalam perhatian BSN. Dalam semua perkara rasuah sebelum sesuatu penyiasatan secara terbuka dilakukan, pihak BSN mestilah berpuashati iaitu satu-satu kes itu mempunyai asas.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan iaitu saya jua mengambil ingatan bagi tindakan di atas pandangan-pandangan dan syor-syor yang diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos.

6.12 ptg.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudah memberi pandangan atas beberapa perkara di bawah Kementerian saya dan saya suka hendak menjawab sedikit memberi keterangan kepada masalah-masalah yang sudah disebut itu.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling ketika membahaskan Belanjawan tahun 1979 telah menimbulkan ketidakcekapan pentadbiran Kerajaan dengan memberi contoh perkhidmatan Pos dan Telekom dan beliau mendakwa bahawa surat-surat yang dihantar dari Alor

Setar ke Pulau Pinang memakan masa 3 hari. Saya sukalah menyatakan bahawa pada amnya tidak ada kelewatan berlaku bagi mel-mel dari Alor Setar ke Pulau Pinang. Surat-surat yang dihantar dari Alor Setar akan tiba di Pulau Pinang pada hari berikutnya. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat mel dari Alor Setar adalah dihantar empat kali sehari ke Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, saya tidak hendak menafikan bahawa tidak ada kelewatan berlaku kerana mungkin ada berlaku disebabkan oleh beberapa faktor yang di luar kawalan Perkhidmatan Pos. Jadi jika Ahli Yang Berhormat betul-betul ada kes yang tertentu yang hendak dibangkitkan haraplah dilaporkan supaya senang penyiasatan dijalankan bagi mengesan kelewatan ini dengan tujuan memperbaiki lagi perjalanan Perkhidmatan Pos.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang juga telah menimbulkan masalah di mana bekalan letrik selalu terputus di hospital-hospital yang boleh menyebabkan berlaku perkara buruk kepada pesakit-pesakit dan beliau mencadangkan supaya hospital-hospital disediakan dengan alat generator bagi membekalkan kuasa letrik jikalau bekalan letrik terputus. Dalam perkara ini saya suka memaklumkan bahawa pemasangan letrik di hospital adalah di bawah jagaan Bahagian Letrik JKR dan bagi Hospital Tanjong Karang pula adalah di bawah kawasan jagaan JKR di Kuala Selangor. Menurut maklumat yang diterima pemutus litar minyak telah terpelanting beberapa kali dan pihak JKR Kuala Selangor telahpun dihubungi oleh chargemen di hospital itu. Oleh kerana ini adalah kerosakan dalam hospital maka ini adalah menjadi tanggungjawab Bahagian Letrik JKR dan langkah-langkah sedang diambil untuk menghubungi pihak Jabatan Kerjaraya supaya kerosakan di perpasangan dalam internal installation hospital itu dapat diperbaiki.

Ahli Yang Berhormat dari Simunjan telah menyatakan bahawa pengurangan cukai impot ke atas peti-peti TV kurang memberi faedah kepada penduduk-penduduk Simunjan kerana kurang daripada 50% anak-anak kampung di Simunjan belum lagi mendapat bekalan letrik. Saya suka menjelaskan bahawa sememang menjadi hasrat Kerajaan hendak menambah lagi bekalan letrik di luar bandar termasuk bekalan letrik di kawasan luar

bandar di Sarawak. Berhubung dengan perkara ini saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa di bawah Rancangan Malaysia Ketiga peruntukan bagi bekalan letrik luar bandar di negeri Sarawak telah ditambah daripada \$6.099 juta kepada \$15.571 juta.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri sedar bahawa aturan-aturan membekalkan bekalan letrik luar bandar di negeri Sarawak masa ini memang belum memuaskan dan kita akan sekarang berhubung dengan Kerajaan Negeri Sarawak untuk mengadakan satu polisi yang mendapat bekalan letrik itu dibaiki juga ke tempat-tempat rumah-rumah panjang.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas telah mencadangkan supaya Kerajaan mengambilalih tugas membekalkan letrik di Perak yang pada masa ini dibekalkan oleh Syarikat KED dan Syarikat Perak River Hydro-Electric Power di mana kedua-dua syarikat ini lambat menjalankan projek-projek yang telah diluluskan. Contohnya projek yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kedua hanya akan diselesaikan pada tahun 1979 dan projek yang telah diluluskan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga hanya akan dimulakan pada tahun 1980.

Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa sememang menjadi hasrat Kerajaan sekarang hendak mencantumkan Syarikat Perak River Hydro-Electric Power dengan LLN tetapi proses percantuman itu memakan masa sedikit. Berkenaan dengan kelambatan itu sekarang ini saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pihak KED telahpun menambah kakitangan bagi rancangan projek-projek bekalan letrik luar bandar. Dengan penambahan kakitangan khusus untuk projek-projek luar bandar ini adalah diharapkan projek-projek letrik luar bandar di bawah kawasan KED akan menjadi bertambah pesat lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Grik telah mencadangkan dalam ucapannya supaya LLN membuat alat-alat letrik yang bermutu samada untuk dipasarkan dalam negeri atau luar negeri. Saya suka memaklumkan bahawa perkara ini memang menjadi hasrat dan niat LLN dan joint-venture telahpun dibuat dengan menubuhkan syarikat-syarikat dan

pengeluaran barang-barangnya akan dibuat peringkat demi peringkat.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani telah merayu Kerajaan supaya membekalkan letrik di kawasan-kawasan luar bandar di daerah Sungai Petani agar penduduk di sana dapat menikmati siaran TV. Ahli Yang Berhormat dari Baling juga telah melahirkan perasaan tidak puashati kerana kebanyakan kampung-kampung di Baling belum menerima kemudahan asas seperti air dan bekalan letrik. Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa memang menjadi hasrat Kerajaan juga untuk menambahkan bekalan letrik luar bandar dan peruntukan mengenainya telahpun ditambah. Misalnya peruntukan bekalan letrik luar bandar bagi negeri Kedah termasuk Sungai Petani dan Baling telah ditambah menjadikan jumlah sebanyak \$42.55 juta iaitu tambahan sebanyak \$9.5 juta. Tetapi untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat banyak juga kesulitan-kesulitan yang kita hadapi sekarang dalam membekalkan letrik ke luar bandar ini seperti kekurangan tiang-tiang, aluminium cable dan juga kelambatan bagi menyelesaikan izin lalu.

Walau bagaimanapun tindakan yang positif telah diambil oleh pihak LLN, misalnya dalam pembekalan tiang lampu daripada seorang kontraktor untuk membekalkan tiang sekarang ini kita sudah adakan 9 kontraktor lagi. Begitu juga dengan masalah izin lalu telah diadakan perbincangan dengan pihak-pihak berkuasa negeri dan satu task force telahpun diwujudkan lebih-lebih lagi di negeri-negeri yang mundur seperti Kelantan, Trengganu, Kedah dan di-Perlis. Dengan adanya langkah-langkah seperti yang saya sebutkan ini, bekalan letrik di Baling dan juga di Sungai Petani dan kawasan-kawasan lain di negeri Kedah dapat dipesatkan lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Kapit merayu Kerajaan supaya membekalkan bekalan letrik di kawasan luarbandar di Kapit agar penduduknya dapat menikmati siaran-siaran TV dan juga projek microwave link dari Sibu ke Kapit dapat disiapkan dalam jangka masa yang ditetapkan. Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa projek ini dijangka siap pada

penghujung tahun 1979 sebagaimana yang dijadualkan.

Sebagai maklumat tambahan, suka saya memberitahu bahawa peruntukan bagi perkhidmatan talipon di Sarawak bagi tahun 1978 adalah \$35.411 juta dan bagi tahun 1979 berjumlah \$44.532 juta.

Ahli Yang Berhormat dari Labuk Sugut telah merayu Kerajaan supaya menaikkan pelepasan cukai pendapatan di Sabah kerana Sabah mempunyai kadar inflasi yang tinggi sedangkan perkhidmatan-perkhidmatan kemudahan awam seperti perkhidmatan talipon terlalu mundur berbanding dengan Malaysia Barat. Saya suka menyatakan bahawa Kementerian saya telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memperbaiki perkhidmatan talipon bagi negeri Sabah dan di seluruh negara kita ini. Peruntukan perkhidmatan talipon bagi negeri Sabah telah ditambah daripada \$61.39 juta kepada \$121.296 juta dan saya harap dengan pertambahan peruntukan ini perkhidmatan talipon di Sabah akan setanding dengan Semenanjung Malaysia.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong merayu kepada Kerajaan supaya dapat memperbaiki perkhidmatan talipon dan letrik lebih-lebih lagi peruntukan bagi kedua-dua perkhidmatan ini telah ditambah untuk tahun hadapan.

Ahli Yang Berhormat itu juga merayu agar permohonan-permohonan talipon bagi domestic dan perdagangan dapat dipercepatkan dan perkhidmatan talipon bagi Wilayah Persekutuan dapat diperbaiki lagi memandangkan Kuala Lumpur sebagai economic nerve centre.

Saya suka menyatakan bahawa sememangnya menjadi hasrat Kerajaan juga hendak memperbaiki kedua-dua perkhidmatan talipon dan letrik lebih-lebih lagi perkhidmatan talipon di Wilayah Persekutuan. Tetapi sebelum perkhidmatan talipon dapat diperbaiki jentera pentadbirannya perlulah diperkemaskan terlebih dahulu dan saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bagaimana yang saya telah memberi jawapan kepada Pertanyaan Mulut oleh Ahli Yang Berhormat dari

Tumpat pada 17hb Oktober, 1978 bahawa tindakan sudah diambil oleh Jabatan Telekom untuk menyusun semula jentera pentadbirannya supaya sesuai dengan perkembangan yang pesat, yang sedang dialami oleh Jabatan Telekom pada masa ini.

Apabila sahaja Kementerian ini dapat meringkaskan penyusunan semula daripada Jabatan Telekom pihak Kementerian akan membuat penelitian dengan agensi-agensi pusat seperti Jabatan Perkhidmatan Awam dan Perbendaharaan dan saya harap dengan selesainya penyusunan semula itu maka kelambatan dan ketidakpuasan terhadap perkhidmatan talipon akan dapat dikurangkan.

Berkenaan dengan perkhidmatan letrik, saya rasa apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah perkhidmatan letrik di luarbandar dan jika itu maksudnya maka tindakan telah diambil dengan menubuhkan Bahagian Bekalan Letrik Luarbandar yang berasingan di Pejabat Daerah. Tetapi sekarang ini bahagian ini hanya ditubuhkan untuk negeri-negeri yang mundur sahaja seperti Kelantan, Trengganu, Kedah dan Perlis. Tetapi ini akan dipanjangkan ke seluruh Semenanjung Malaysia mulai dari 1hb Januari, 1979.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda telah menyentuh tentang kenderaan-kenderaan pos yang telah lebih 5 tahun di Pejabat Pos Setapak di mana beliau menyatakan kenderaan-kenderaan ini pada akhirnya hanya dijual kepada pembeli-pembeli botol. Saya suka membetulkan kenyataan ini bahawa yang sebenarnya kenderaan-kenderaan pos tersebut tidak terletak di Pejabat Pos Setapak tetapi di Pejabat Pos Gombak dan tidak 5 tahun kerana Pejabat Pos Gombak hanya dibuka pada 19hb November, 1975 sahaja. Maka oleh yang demikian, kenderaan-kenderaan tersebut tidak mungkin disimpan di tempat-tempat tersebut lebih daripada 5 tahun, sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Walau bagaimanapun, saya suka menyatakan di sini bahawa dua Lembaga Pemeriksaan telah diadakan iaitu pada 4hb Mei, 1978 dan 3hb Ogos, 1978 untuk kenderaan-kenderaan tersebut dan kelulusan

Perbendaharaan telahpun diperolehi untuk memusnahkannya. Tender-tender juga telah dipanggil pada bulan lalu untuk menjual kenderaan-kenderaan tersebut sebagai besi buruk dan kenderaan-kenderaan tersebut akan dimusnahkan dalam sedikit masa lagi.

Suka juga saya menegaskan di sini bahawa oleh sebab kelulusan bagi membeli kenderaan baharu adalah terhad bagi menggantikan kenderaan-kenderaan yang ada, maka Jabatan Pos terpaksa menggunakan kenderaan yang telah diberi sijil "beyond economic repair" bagi mengelakkan gangguan-gangguan perkhidmatan mel. Inilah sebabnya mengapa Lembaga Pemeriksaan telah lewat diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Lubuk Antu juga ada menyentuh perkara Hydro-electric power di Batang Air di Sarawak dan di Pelagus di Sarawak juga.

Ahli Yang Berhormat itu semasa mengesyorkan perkara ini menyebut Kerajaan patut mengadakan pengeluaran tenaga elektrik daripada air. Sebagaimana yang sudah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di masa sidang Parlimen ini, Kerajaan sekarang sudah mengadakan satu Cabinet Committee untuk kaji-siasat bagi mengadakan National Energy Policy dan memanglah disedari bahawa kerana harga-harga minyak mentah akan bertambah kita memang perlu mencari pengeluaran tenaga lain lagi untuk mengurangkan keadaan tenaga dari bekalan minyak. Dan bagi hydro-electric power di Batang Air apa yang dikatakan oleh

Ahli Yang Berhormat itu memanglah betul dan saya suka memberi terima kasih atas teguran Ahli Yang Berhormat itu kerana

memang Kerajaan suka mengadakan siasatan yang teliti untuk mengadakan rehabilitation untuk penduduk-penduduk yang terlibatnya bila sahaja hydro-electric power ini berjalan. Dan sekarang saya difahamkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak bahawa Kerajaan Negeri Sarawak sudah mengadakan satu Jawatankuasa Khas untuk menjalankan kajian yang akan menentukan apa-apa masalah yang akan dihadapi oleh orang-orang yang terlibat atas ketiadaan hydro-electric power di situ—akan dapat diatasi. Kerana memang di negeri Sarawak sekarang kita akan mengadakan satu projek hydro-electric power di Batang Air yang dicadangkan akan mengadakan 52 Megawatt dan sekarang diharapkan akan berjalan pada tahun yang akan datang.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengundur diri saya suka sekali lagi memberi terima kasih atas pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudah menyentuh atas perkara-perkara dalam Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, esok Yang Berhormat Menteri-menteri akan menyambung jawapannya dan sekiranya selesai sebelum pukul 6.30 petang dan tidak ada usul untuk menangguhkan mesyuarat selepas daripada jawapan Menteri-menteri, maka sidang Majlis ini akan bersidang dalam Jawatankuasa membincangkan Belanjawan ini.

Dewan ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang esok, Rabu, 8hb November, 1978.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.